



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 27

RABU 4 JULAI 1984.

رابو 5 شوال 1404

PERCUMA

KURNIA KENAIKAN GAJI BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN K'JAAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan Baginda sempena Hari Raya Aidilfitri malam Sabtu lepas telah mengumumkan satu kenaikan gaji yang berpatutan kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda secara kebelakangan mulai 1 Januari 1984.

Baginda penuh berharap dengan kenaikan gaji itu akan menambahkan lagi azam dan tekad semua pegawai-pegawai dan kakitangan Baginda untuk terus berusaha mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah dalam Kerajaan Baginda.

Sehubungan dengan kenaikan gaji ini, Baginda juga mengharap kan kalangan peniaga-peniaga di negara ini tidak akan menggunakannya sebagai alasan untuk mengenakan kenaikan harga-harga yang tidak munasabah dan berpatutan.

Ucapan terima kasih Paduka Seri Begawan Sultan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan dengan sukacita mengurniakan sabda ucapan banyak terima kasih kepada semua yang berkenaan yang telah menyempahkan Kad Hari Raya Aidilfitri kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia pada tahun ini.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan juga dengan sukacita ingin mengurniakan sabda ucapan selamat Berhari Raya.

"Selaku tampuk kerajaan dan teras negara, Beta juga sepenuhnya berharap yang kenaikan gaji bagi semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Beta itu tidak akan digunakan sebagai alasan untuk mengenakan kenaikan harga-harga yang tidak munasabah dan berpatutan di kalangan peniaga-peniaga di negara ini," titah Baginda.

Baginda seterusnya bertitah bahawa Kerajaan Baginda tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya terhadap kenaikan-kenaikan harga di negara ini termasuk mengadakan langkah-langkah campur tangan di dalam pasaran barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan di mana difikirkan perlu.

Kepada rakyat Baginda khususnya pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda yang tidak lama lagi akan menikmati kenaikan-kenaikan gaji, Baginda mengingatkan mereka supaya akan senantiasa melakukan perbelanjaan-perbelanjaan yang sederhana serta mengelakkan diri daripada unsur-unsur yang membazir yang sememangnya ditegah oleh ugama Islam.

Di dalam titah perutusan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei, Baginda terdahulu dari ini bertitah mudah-mudahan amalan puasa yang kita kerjakan selama sebulan itu beransur-ansur mendatangkan

kesedaran dan keinsafan di sanubari masing-masing tentang betapa pentingnya kesabaran dan pengawalan hawa nafsu sebagai asas yang tiada bandingnya untuk membolehkan kita meneguhkan lagi keimanan serta menegakkan watak kemuliaan sebagai umat Islam yang dihajati iaitu umat Islam yang penuh bertimbang rasa sesama manusia tanpa mengira pangkat, darjat dan kedudukan semata-mata kerana Allah.

Lihat muka 16

D.Y.M.M. sembahyang raya bersama rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Umat Islam di seluruh negara ini bersama lain-lain masyarakat Islam di pelusuk dunia serentak menyambut Hari Raya Aidilfitri pada hari Sabtu lepas. Mereka merayakannya dalam suasana yang meriah serta serba sederhana disebabkan keadaan inflasi.

Seperti lazimnya dilakukan pada setiap tahun menjelang satu Syawal, umat Islam memulakan sambutan Hari Raya dengan bersembahyang di masjid-masjid, surau dan balai-balai ibadat. Sebelum itu mereka adalah diwajibkan berpuasa selama sebulan dan seterusnya membayar zakat fitrah.

Di ibu negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bersama-



ORANG ramai junjung ziarah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam selepas menunaikan sembahyang Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar Ali Saifuddin di ibu negara.

sama dengan ribuan rakyat jelata telah berangkat ke Masjid Omar Ali Saifuddin bagi menunaikan sembahyang Hari Raya.

Juga berangkat ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkihah dan lain-lain kerabat Diraja.

Di hari pertama selepas menunaikan sembahyang Hari Raya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, bersama kerabat-kerabat Diraja berangkat membuat kunjungan ke rumah kediaman Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman, ke rumah kediaman Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan,

Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz. Selepas itu Baginda bersama kerabat-kerabat Diraja berangkat mengunjungi ke rumah kediaman Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-undang merangkap Menteri Perhubungan pada hari itu.

Hadiri sidang di Jakarta

BANDAR SERI BEGAWAN. — Serombongan lima orang pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah bertolak ke Jakarta semalam bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Tetap ASEAN kali keenam dan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN.

Rombongan tersebut diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian tersebut, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awang Haji Sulaiman.

Mesyuarat yang bermula pada hari ini adalah persediaan bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN yang akan diadakan di ibu negara Indonesia itu pada 9 Julai.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien juga telah berangkat ke rumah kediaman Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-undang merangkap Menteri Perhubungan pada hari itu.

Terdahulu pada malam menyambut Hari Raya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, telah menyampaikan titah perutusan khas sempena Hari Raya dan selanjutnya berkenaan mengumutkannya kenaikan gaji yang berpatutan bermula dari 1 Januari 1984 bagi pegawai-

Lihat muka 2

MANISNYA IMAN

"ALLAH hanya menerima taubat dari orang-orang yang mengerjakan kejahatan kerana kejahilannya kemudian dis bertaubat dengan segera, maka mereka itu diberi taubat oleh Allah. Dan Allah itu Maha mengetahui lagi bijaksana." — Makna ayat 17 Surah An-Nisa'.

Brunei/Turkey bentuk hubungan diplomatik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Turkey telah memutuskan untuk mengadakan hubungan diplomatik di peringkat kedutaan mulai 27 Jun, 1984.

Dalam sebuah kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkata, keputusan untuk mengadakan hubungan diplomatik itu adalah memandangkan hasrat kedua buah negara untuk menjalin dan mengekalkan hubungan persahabatan dan kerjasama yang menguntungkan kedua-dua buah negara.



BERIBU-RIBU orang rakyat dan penduduk dari segenap lapisan masyarakat telah berkunjung ke Istana Nurul Iman untuk menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta lain-lain Kerabat Diraja.

Di hari pertama Istana tersebut dibuka kepada orang ramai, seramai 6,757 orang telah berkunjung yang sebilangan besar terdiri dari anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei seperti kelihatan dalam gambar di sebelah kiri.

Sementara itu, beribu-ribu orang terutama penduduk di sekitar Mukim Muara juga telah berkunjung ke Istana Darul Aman untuk berziarah dan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Istana Nurul Iman dan Istana Darul Aman telah dibuka kepada orang ramai selama tiga hari.




SELEPAS menunaikan sembahyang Hari Raya Aidilfitri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan diiringi oleh D.Y.T.M Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, D.Y.T.M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan D.Y.T.M Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain-lain Kerabat Diraja telah berangkat berhari raya ke kediaman Yang Berhormat Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan (atas), Yang Berhormat Menteri Pembangunan (atas kanan) dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan (kanan).

Dari muka 1

pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda.

Pada malam itu juga para Menteri-menteri dan Pembesar-pembesar Negara telah mengadap dan berziarah serta mengucapkan Selamat Hari Raya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Kerabat Diraja yang lain di Istana Nurul Iman.

Buat pertama kalinya sejak negara ini mencapai kemerdekaan, beribu-ribu orang rakyat dan penduduk di segenap pelusuk negara berkesempatan melawat dan melihat secara dekat keindahan Istana Nurul Iman di samping berpeluang menyampaikan ucapan selamat Hari Raya ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta anggota kerabat Diraja lainnya. Manakala Istana Darul Aman juga dikunjungi oleh rakyat dan penduduk mengadap serta berziarah.



GAMBAR atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sedang diziarahi oleh salah seorang yang berkunjung ke Istana Nurul Iman sementara gambar kanan pula kelihatan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika menerima kunjungan orang ramai di Istana Darul Aman.





GAMBAR ATAS : Awang Abd. Hamid Ismail (tengah) dan ahli-ahli Jawatan Kuasa Tertinggi Gabungan Perniagaan Bumiputera sementara gambar bawah pula ialah sebahagian dari peniaga-peniaga yang hadir di mesyuarat tersebut.



Peniaga bumiputera diseru : JANGAN HANYA BERGANTUNG KEPADA BANTUAN KERAJAAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pesuruhjaya Kerjasama, Awang Abd Hamid bin Haji Ismail pada petang Ahad lepas menyeru peniaga-peniaga bumiputera agar jangan hanya bergantung kepada bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan sebaliknya mereka perlu berusaha sendiri asalkan usaha-usaha itu pada jalan yang halal dan tidak bertentangan dengan undang-undang dan peraturan negara.

Berucap merasmikan Mesyuarat Agung Pertama Gabungan Perniagaan Bumiputera Negara Brunei Darussalam di Bilik Bacaan Pusat Belia di sini, beliau berkata bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan peniaga-peniaga bumiputera dengan menyediakan kemudahan-kemudahan serta bersedia memberi bantuan-bantuan yang berpatutan.

"Kita memang menyedari bahawa peniaga-peniaga bumiputera di negara ini belumlah boleh dikatakan mencapai taraf yang boleh menandingi peniaga-peniaga asing yang telah lama bertapak dan telah mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang ini," tegas beliau.

Walau bagaimanapun Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama itu berasa bangga kerana akhir-akhir ini banyak bumiputera yang menceburkan diri dalam bidang tersebut.

Setentunya, kata beliau lagi, pada peringkat permulaan, ketabahan dan kecekalan hati bagi menghadapi rintangan yang semestinya dilalui, hendaklah perlu ada.

"Tetapi saya percaya dengan cita-cita yang murni, ingin maju dan ingin menyumbangkan jasa bakti pada mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan kemakmuran dan keamanan negara ini melalui bidang perniagaan, peniaga-peniaga bumiputera akan terus berusaha dengan gigih dan penuh dedikasi," tambahnya lagi.

Berhubung dengan gabungan tersebut yang ditubuhkan dengan tujuan atau dasar-dasar tertentu bagi membaiki taraf ekonomi ahli-ahlinya dan seterusnya membaiki dan mengukuhkan lagi kedudukan ahli-ahlinya dalam pengendalian di bidang perniagaan masing-masing, Awang Abd Hamid berpendapat ianya merupakan satu usaha yang sangat diperlukan lebih-lebih lagi dalam keadaan negara ini yang baru saja mencapai kemerdekaan.

Sementara itu, Yang Dipertua Agung Sementara gabungan tersebut, Pengiran Anak Haji Hassanuddin bin Pengiran Muda Safiuddin dalam ucapannya berkata antara lain bahawa penubuhan gabungan itu janganlah dianggap sebagai anasir pemisah penyatuan masyarakat peniaga bumiputera ke dalam satu kelompok masyarakat peniaga yang lebih besar.

Gabungan, katanya wujud bagi menyatukan peniaga-peniaga yang masih belum menyertai mana-mana badan-badan perniagaan. Gabungan, tambahnya, akan sentiasa memberikan kerjasama kepada mana-mana jua pertubuhan yang seumpamanya.

Beliau seterusnya menekankan bahawa rakyat negara ini khususnya masyarakat peniaga sangat-sangat beruntung kerana perhatian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang memberikan berbagai kemudahan seperti Skim Pinjaman Kewangan.

Terdahulu dari itu, acara telah dimulakan dengan



AWANG Abd. Hamid Ismail ketika berucap merasmikan mesyuarat tersebut.

ucapan oleh pengerusi majlis, Awang Arifin bin Dato Haji Hamidon, Setiausaha Agung Sementara dan diikuti dengan ucapan Pengerusi Gabungan, Awang Haji Abd Latif Chuchu.

Gabungan yang didaftarkan pada 7 Mei tahun ini difahamkan bertujuan antara lain bagi memberi bantuan sama ada dari segi kewangan dan panduan serta bimbingan dalam hal-hwal urusan perniagaan.

Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Gabungan Perniagaan Bumiputera Negara Brunei Darussalam yang dilantik dalam mesyuarat itu terdiri daripada Pengerusi, Awang Haji Abd Latif bin Chuchu; Yang Dipertua Agung, Pengiran Anak Haji Hassanuddin bin Pengiran Muda Safiuddin, Timbalan Yang Dipertua Agung, Awang Haji Shahrani bin Othman; Setiausaha Agung, Awang Arifin bin Dato Haji Hamidon; Timbalan Setiausaha Agung, Awang Haji Ismail bin Haji Sabani; Bendahari Agung, Awangku Othman bin Pengiran Ibrahim; dan Timbalan Bendahari Agung, Awang Haji Moks bin Jaafar.

Tempat tahanan bubu hendaklah ditanda

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan bermulanya perusahaan beberapa buah kapal pukat tunda tempatan di perairan negara ini, Jabatan Perikanan memaklumkan bahawa dengan tujuan supaya tempat tahanan-tahanan bubu di perairan negara ini dapat diketahui oleh nakhodanakhoda kapal-kapal pukat tunda, nelayan-nelayan yang menggunakan alat tersebut adalah diminta supaya menandakan bubu-bubu mereka dengan pelampung-pelampung yang bersesuaian. Ini akan dapat mengelakkan dari kerosakan kepada bubu-bubu dan juga pukat-pukat tunda.

KURSUS BIMBINGAN KOMUNIKASI

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Unit Sivik dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan baru-baru ini telah mengadakan satu Kursus Bimbingan Komunikasi selama tiga hari kepada 25

orang pegawai dan kakitangan dari berbagai unit jabatan tersebut.

Kursus yang bertemakan 'PERANAN KOMUNIKASI KEPADA MASYARAKAT' itu telah berlangsung di Bilik Taklimat jabatan berkenaan

pada 21, 23 dan 25 Jun lepas dan telah dirasmikan oleh Awang Sidek bin Yahya, Pegawai Pentadbir Kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ucapan alu-aluan di majlis itu telah disampaikan oleh

Ketua Sivik dan Kemasyarakatan, Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Md. Safar.

Sebanyak empat buah ceramah telah disampaikan sepanjang masa kursus itu.

Ceramah bertajuk 'Dari Segi Pengalaman' telah disampaikan oleh Pengiran Md. Yassin bin Pengiran Othman, Pegawai Penerangan; 'Meninggikan Imej Jabatan Menerusi Penerangan Mengenai Susunan Pentadbiran dan Kerja-Kerja Penerangan' oleh Awang Yusoff bin Ladi Penolong Pegawai Penerangan; 'Peranan Media Massa — Komunikasi Bersemuka (Interpersonal Communication) oleh Awang Busu bin Ahmad, Pegawai Luar Kanan Belait; dan ceramah terakhir bertajuk 'Penyampaian Message Yang Berkesan' oleh Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Md. Safar.

Kursus yang dibahagikan kepada dua sesi ini difahamkan bertujuan antara lain; pertama, bagi memberikan bimbingan asas komunikasi kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dalam jurusan komunikasi.

Kedua, melatih dan memberikan garis panduan pada menggunakan bidang komunikasi yang lebih berkesan.

Ketiga, bagi melahirkan tenaga-tenaga dan pegawai-pegawai yang tertentu melalui bidang masing-masing supaya bersedia menghadapi cabaran masa; dan

Keempat, memberikan kefahaman yang jelas tentang komunikasi dan melaksanakannya dengan baik melalui kemahiran masing-masing.



PEGAWAI Pentadbir Kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Sidek bin Yahya (memakai kot) ketika berucap merasmikan Kursus Bimbingan Komunikasi.



DI ANTARA pegawai-pegawai dan kakitangan dari berbagai unit Jabatan Penerangan yang menyertai kursus tersebut dengan penuh minat mendengar ceramah yang disampaikan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS Siri ke-233

MENDENGAR MUZIK ATAU LAGU DAN JUAL BELI KASETNYA

Menurut Mazhab Al-Imam As-Syafie mendengar muzik atau lagu-lagu dengan muzik itu adalah haram.

Sila lihat kitab Matlaul Badrain muka 94 dan 222 dan Kasyful Lisam 444 juzuk kedua dan lain-lain kitab Fiqh dalam Bahasa Arab, dan Kaffur Raee An-Muharramatil Lahwi Was Samaae karangan Al-Imam Ibnu Hajar yang

terkenal itu menyatakan mana permainan yang halal dan mana yang haram dengan panjang lebar.

Beli kaset-kaset lagu-lagu asmara atau lucu atau lagu-lagu tiada siuman adalah haram, kerana ia membawa mendengar lagu-lagu lucu atau asmara atau lagu-lagu yang tiada siuman.

Nyanyian-nyanyian dan tarian-tarian yang ada sekarang ghalibnya adalah suatu perbuatan haram dan dosa besar kerana terdedah, dan campur gaul yang haram dan kerana ada lintang-lintuk dan linggang-lingguk sebagai kelakuan orang Mukhannith (kedi), yang dilaknat Allah itu, dan kerana ada 'diathah' dan 'qiadah' padanya, sama

ada suami atau ibu bapa atau kerabat atau lain orang dan pencarian dari nyanyian dan tarian adalah pencarian Suhti dan haram, dan orang-orang yang menyertai dengan reda dan suka hatinya adalah membuat dosa dan derhaka dan dayyuth dan qiadah dilaknat Allah dan malaikat dan sekalian yang melaknat dan dihincit dan

dikutuk dan jauh dari Lutf (lembut) dan kemudahan limpah Allah Taala, sebagaimana dalam hadis-hadis dan tersebut dalam hadis yang dirawayatkan oleh Al-Imam Muslim dalam perkara Hijjatul Widak (Haji terakhir) di Padang Arafat (didengar oleh umat Islam waktu Haji) daripada sahabat Jabir bin Abdullah r.a. bahawa Rasulullah Salallahu

Alaihi Wassalam telah bersabda :

Ertinya : "Ingatlah hubaya-hubaya : Tiap-tiap perkara dari perkara-perkara orang jahiliyah sebelum Islam, adalah diletakkan di bawah dua tapak kaki saya (dibuang dan ditolak). Nyanyian-nyanyian dan tarian-tarian sekarang adalah perkara jahiliyah."

WallahuAklam

LANTIKAN PEGAWAI PERHUBUNGAN HAJI

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik seramai dua puluh orang pegawai-pegawai perhubungan haji bagi musim haji tahun 1404/1984 yang terdiri dari pegawai-pegawai dari beberapa buah jabatan Kerajaan untuk menyelaras dan melicinkan urusan perjalanan bakal-bakal haji tahun ini.

Di samping itu dua puluh lapan orang pegawai-pegawai perubatan juga akan menyertai rombongan bakal-bakal haji tersebut untuk kemudahan rawatan semasa mengerjakan haji.

Bakal-bakal haji tersebut dijangka bertolak dengan empat penerbangan berturut-turut mulai 11 Ogos depan.

Pegawai-pegawai perhubungan yang bertolak lebih awal ialah Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, Awang Haji Abd. Rahman bin Khatib Abdullah, Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Pg. Haji Ahmad bin Pg. Haji Mohd. Yusof, Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Simpol dan Awang Haji Mohd. Hassan bin Haji Mohd. Timbang.

Berikut pula ialah pegawai-pegawai perhubungan yang akan menyertai penerbangan pertama: Awang Kassim bin Lamat, Pg. Haji Tuah bin Pg. Muhammad, Ak. Haji Zaini bin Pg. Adi dan Awang Haji Razali bin Haji Metussin.

Pegawai-pegawai perhubungan penerbangan kedua pula terdiri

dari Awang Haji Talip bin Apong, Pg. Haji Metarshad bin Pg. Haji Metassan dan Awang Haji Abd. Latif bin Wahab.

Manakala Awang Ibrahim bin Dollah, Awang Haji Abdul Rahman bin Tuah, Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit dan Awang Haji Hassan bin POKP DP Haji Hashim ialah pegawai-pegawai perhubungan bagi penerbangan yang ketiga.

Dalam penerbangan keempat akan disertai oleh tiga orang pegawai perhubungan yang terdiri dari Awang Abd. Rahman bin Kula, Awang Haji Yaakub bin Haji Mohammad dan Awang Haji Tamit bin Haji Nudin.

Pegawai-pegawai perhubungan perubatan pula ialah Dr. Haji Mir Ghulam Ghouse, beliau pergi lebih awal.

Seramai enam orang pegawai akan menyertai penerbangan pertama iaitu Dayang Hamidah bte Ahmad, Awang Haji Mostafa bin Haji Serudin, Awang Haji Johan bin Jeludin, Dayang Siti Jaayah bte Haji Abd.

Salam, Awang Damit bin Judin dan Pg. Mariam bte Pg. Moksins.

Dalam penerbangan kedua pula akan disertai oleh tujuh pegawai. Dr. Hajjah Shanti Zinna, Awang Johari bin Haji Ajak, Dayang Noorhaya bte Md. Daud, Awang Shukor bin Amit, Dayang Asmah bte Haji Talip, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman dan Awang Abdullah bin Onin.

Penerbangan ketiga juga akan disertai oleh tujuh pegawai iaitu Dayang Hajjah Halimah bte Latif, Awang Haji Maidin bin Hj. Ering, Dayang Zahrah bte Haji Yakub, Awang Salleh bin Tuah, Awang Mohd. Alias bin Salleh, Dayang Tiawa bte Yusof dan Awang Mohammad bin Haji Tujoh.

Penerbangan terakhir juga disertai oleh tujuh orang pegawai iaitu Dr. Haji Md. Anuar Hossain Molla, Dayang Rumbi bte Karim, Awang Jamil bin Osman, Awang Haji Hanafi bin Anai, Dayang Puit bte Damit @ Hamid dan Awang Haji Moktal bin Metali.

Sambutan Nuzul Al-Quran

GADONG. — Badan Ugama Polis Diraja Brunei telah menganjurkan Majlis Nuzul Al-Quran dan Khatam Al-Quran bertempat di Surau Ibu Pejabatnya pada malam Khamis lepas.

Di majlis tersebut seramai 19 orang pembaca khatam Al-Quran telah memperdengarkan bacaan mereka dan seterusnya disusuli dengan sebuah ceramah mengenai dengan Nuzul Al-Quran yang

telah disampaikan oleh Kadi Daerah Brunei dan Muara Awang Haji Tassim bin Akim.

Majlis diselenggarakan dengan berbuka puasa serta bersembahyang Mahgrib berjemaah. Hadir di majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong serta Pegawai-Pegawai Kanan Pasukan Polis.



Jemaah haji menderma hampir \$27 ribu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jemaah-jemaah Haji tahun lepas (1983) telah menyumbangkan derma sebanyak \$26,940 kepada Tabung Anak-Anak Yatim di keempat-empat daerah.

Penyampaian derma kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei-Muara yang berjumlah \$17,365 telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Perhubungan Haji 1983, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah kepada Pengerusi tabung tersebut, Awang Haji Mohammed bin Haji Serudin, Pegawai Daerah Brunei-Muara di pejabat Pegawai Daerah di sini pada hari Isnin, 25 Jun lepas.

Majlis itu telah disaksikan oleh dua orang Pegawai Perhubungan Haji Tahun 1983, Awang Haji Sablee bin Haji Metussin dan Awang Haji Yusof bin Haji Mastan.

Manakala penyampaian derma bagi Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Tutong, Belait dan Temburong telah berlangsung pada keesokan harinya.

Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Tutong menerima derma sebanyak \$1,775; Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Belait sebanyak \$5,000; dan Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong menerima sebanyak \$2,800.

Menurut Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah, derma yang disumbangkan itu

adalah merupakan lebihan wang rampaian jemaah-jemaah haji tersebut.

Tiga orang didenda kerana tak puasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Kadi Daerah Brunei-Muara dan Daerah Belait telah mendenda tiga orang kerana merokok di khalayak ramai di siang hari dalam bulan Puasa yang lalu.

Awang Ali Aziz bin Haji Ahmad, No 83, Kampong Tasek Meradun, Jalan Tutong telah dihadapkan ke Mahkamah Kadi Daerah Brunei-Muara pada 19 Jun dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$45.00.

Dayang Damit binti Talip No 23, Kampong Lurong

Dalam, Bandar Seri Begawan telah dihadapkan ke Mahkamah yang sama pada 21 Jun. Dia didapati salah dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$40.00.

Awang Ahmad bin Mustapa, yang beralamat, J-18/7-B Lorong 5, Seria dihadapkan ke Mahkamah Kadi Daerah Belait pada 20 Jun. Mahkamah mendapati ia bersalah dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak \$50.00.

Mereka telah membayar denda-denda tersebut.

Taman Bertuturan Bergerak di Sg. Besar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada penduduk-penduduk Kampong Sungai Besar dan sekitarnya bahawa Bahagian Perpustakaan Kanak-kanak, Dewan Bahasa dan Pustaka

akan mengadakan Taman Bertuturan Bergerak bagi kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah pada hari Ahad, 8 Julai 1984.

Ianya akan diadakan di Sekolah Melayu Sultan Abdul Buhin Sungai Besar mulai jam 2.30 petang.

PUASA SEPATUTNYA UBAH SIKAP KITA

MARILAH kita tetap bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala bila-bila masa dan di mana jua pun kita berada, baik di masa kita senang atau susah, di masa kita bekerja atau berehat, baik di masa kita sendiri atau berada di khalayak ramai, dan baik masa kita berada di rumah ataupun di luar rumah.

Marilah kita taati perintah Allah dan kita jauhi dari melanggar larangannya. Insha-Allah pada sebelah petang hari ini pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur Negara Brunei Darussalam akan pergi ke beberapa tempat

yang diaturkan di negara ini bagi melakukan penglihatan anak bulan Syawal 1404 Hijrah. Jika anak bulan tersebut nampak dan dapat dilihat pada malam ini, maka bererti puasa kita akan genap sebulan pada hari ini dan jika tidak kelihatan dan tidak dapat dilihat, maka bererti akan berpuasa lagi pada esok hari bagi menggenapkan sebulan. Ini menandakan yang kita sudah berada di ambang pintu Hari Raya dan akan meninggalkan Bulan Puasa Ramadan di mana bulan tersebut akan datang pada tahun hadapan lagi.


Apa yang kita harapkan semoga ibadat puasa yang kita kerjakan sepanjang

Bulan Ramadan itu akan diterima oleh Allah Subhanahu Wataala serta akan dapat memberikan kesan yang baik kepada jiwa dan peribadi kita masing-masing umpama jika dahulunya kita seorang yang gelojoh, maka selepas Ramadan kita menjadi seorang yang tidak gelojoh, demikian jua kalau dahulunya kita orang yang suka pamarah tetapi setelah berlatih di Bulan Ramadan menahan nafsu marah kita berubah menjadi seorang penyabar, begitulah seterusnya. Kita berlindung kepada Allah Subhanahu Wataala supaya kita tidak termasuk daripada orang yang disebut Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam di dalam hadis Baginda yang menyatakan beberapa banyak di antara orang yang berpuasa yang

tidak memperolehi sesuatu apa-apa pun dari puasa mereka melainkan daripada berasa lapar dan haus.

Esok atau lusa kita akan menyambut Hari Raya Aidilfitri, hari kemenangan bagi orang yang berpuasa. Umat Islam menyambut Aidilfitri itu dengan gembira, dengan penuh kesyukuran ke hadirat Allah kerana mereka telah menang dalam perjuangan mengalahkan hawa nafsu yang pantang kerendahan, dikalahkan dia dengan berpuasa sebulan Ramadan sebagaimana yang sedang kita kerjakan.

Maka dengan itu marilah kita sambut Hari Raya Aidilfitri itu dengan gema takbir dan tahmid



kepada Allah Subhanahu Wataala dengan diiringi perasaan syukur dan qanaah yakni dengan rasa bahagia dengan apa yang ada, bersih daripada cara-cara membazir dan berlebih-lebihan, kita cari kebahagiaan dengan memberikan sebahagian daripada harta kita kepada saudara-saudara yang kurang bernasib baik yang berhak menerima.

Dari itu marilah kita sambut Hari Raya yang

mulia yang akan menemui kita tidak berapa lama lagi itu dengan suasana keagamaan yang diliputi oleh ketakwaan kepada Allah dengan menjauhkan kerja-kerja maksiat seperti mengadakan minum-minuman yang memabukkan, berpoya-poya dengan gadis-gadis secara berduaan ke sana ke mari tanpa disertai oleh mahramnya yang boleh dipercayai, kerana semua kerja-kerja maksiat seperti itu pasti akan mendatangkan dosa.

Allahu Akhbar, Allahu Akhbar, Allahu Akhbar, Allahu Akhbar, Walillillah hamd

Ketika takbir bergema di pagi raya ada baiknya kita mengenang sejenak tentang hidup kita ini, hidup ini bukannya semata-mata untuk hari ini atau esok sahaja, sebaliknya sesudah hidup hari ini kita akan dilanjutkan pula dengan hidup untuk selama-lamanya iaitu hidup sesudah mati.

Inilah saat dan ketika kita memohon dari Allah Subhanahu Wataala moga-moga kita ditempatkan di dalam Syurga kenikmatan Allah yang mengalir di dalamnya air yang sejuk dan jernih dengan berbagai-bagai kesuburan dan kebahagiaan yang kita akan rasakan. Ketika inilah juga kita memohon dari Allah Subhanahu Wataala moga-moga kita dilindungi daripada neraka kemurkaan Allah seterusnya kita hulurkan tangan dengan hati yang bersih dan dada yang lapang serta wajah yang berseri-seri untuk memohon ampun kepada

Allah dan memohon maaf sesama insan.

Sebulan yang lalu (di bulan Ramadan) kita telah diberi berbagai-bagai ujian dan dugaan di mana semua ujian itu kita tempuh satu demi satu, kita berjuang bersungguh-sungguh melawan tekanan hawa nafsu hingga kita mencapai kejayaan cemerlang, kini kita telah selesai melaksanakan segala apa yang diperintahkan Allah, kita telah buktikan segala ketaatan, perintah Allah telah kita tunaikan dan larangannya telah kita jauhi.

Perjuangan-perjuangan yang telah kita lakukan itu amat besar ertinya di sisi Allah seperti juga berjuang di medan perang atau jihad, sebab itu jadikanlah aidilfitri sebagai lambang untuk umat Islam seluruhnya melahirkan kegembiraan setelah tamat ujian dan berjaya di dalam perjuangannya, inilah masa dan ketikanya untuk

kita menyatakan sendiri di hadapan Allah, bahawa kita telah menunaikan dengan sempurna akan segala suruhan yang diperintahkan kita melakukannya.



Untuk melahirkan kegembiraan dengan caranya yang lebih teratur serta mendapat keredaan Allah, maka Islam mengatur beberapa ibadat yang disuruh kita menyempurnakannya iaitu melahirkan kebesaran Aidilfitri dengan sembahyang sunat dua rakaat. Sembahyang hari raya adalah sunat muakad

(sunat yang dituntut) kerana Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam senantiasa sembahyang hari raya sepanjang hayat Baginda.

Di samping itu perlulah juga diingat bahawa selain daripada merakamkan rasa syukur dengan menunaikan sembahyang sunat hari raya, kita juga digalakkan menunjukkan rasa gembira tetapi jangan melewati batas sampai menjerumuskan diri kejurang maksiat yang membawa kepada pendherhakaan terhadap Allah Subhanahu Wataala. Padahal pada hari raya inilah sepatutnya kita menunjukkan kesyukuran kepada Allah di atas limpah rahmat-Nya menjadikan kita berkesempatan menikmati suasana kebahagiaan dan menjayakan kita menghadapi cabaran dan dugaan dalam masa kita menunaikan ibadat puasa di bulan Ramadan yang baru berlalu.

Kita tentu tidak boleh menafikan adanya segolongan kecil orang-orang Islam dalam masyarakat kita yang suka meniru-niru adat kebudayaan atau tradisi orang lain ketika menyambut hari raya kita sendiri. Umpamanya selain menyediakan kuih muih cara barat, mereka menyediakan pula minuman yang dilarang oleh ugama kita yang suci konon dengan alasan untuk menyambut kedatangan para tetamu bangsa asing yang akan datang berkunjung ke rumah mereka, padahal perkara semacam itu tidaklah dituntut oleh ugama Islam kita melakukannya. Di samping itu di sepanjang malam hari raya itu ada pula yang mengadakan pesta tari-menari hingga sampai larut malam. Ini dilakukan adalah kerana meniru cara-cara orang barat menyambut malam Krismas.

Padahal dalam Islam menyambut hari raya itu kita ada mempunyai tradisi dan cara kita sendiri. Tak perlu lagi kita mesti meniru-niru adat tradisi orang lain yang sudah tentu bercampur-aduk dengan perbuatan-perbuatan maksiat yang tidak sesuai dengan adat kita dan bertentangan pula dengan hukum ugama Allah yang maha suci. Sepatutnya dalam perkara ini kita mempunyai pendirian yang tegas dan berpegang kepada firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Al-Kafirun yang bermaksud kira-kira: "Kamu dengan cara ugama kamu dan aku dengan cara ugamaku".

Kalau kita benar-benar beriman kepada Allah Subhanahu Wataala perkara bercorak maksiat dalam menyambut hari raya kita tidak timbul, kerana tiada siapa yang boleh melarang kita menyambut hari raya kita dengan cara kita sendiri atau dengan cara ugama kita sendiri. Wabillahi tawfiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullah.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4 Julai, 1984 hingga ke hari Selasa 10 Julai, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
4-5	12.29	3.50	3.51	6.40	6.41	7.51	7.52	4.52	4.38	4.53	6.10	6.11
6-10	12.30	3.50	3.51	6.40	6.41	7.51	7.52	4.53	4.39	4.54	6.11	6.12

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

7 lagi naik pangkat

BERAKAS. — Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah mengumumkan kenaikan pangkat lapar orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Tujuh orang telah dinaikkan ke pangkat Kapitan. Mereka itu ialah 115 Lt Muhammad Rashid bin Asut dari Tentera Udara, 116 Lt Pengiran Rambli bin Pengiran Bunut dari Batalion Pertama, 117 Lt Mahmud bin Haji Saidin dari Tentera Udara, 119 Lt Pengiran Ramlee bin

Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya dari Skadron Jurutera Gempur, 120 Lt Adanan bin Datu Hulubalang Haji Wahab dari Batalion Pertama, 121 Lt Hamid bin Nayan dari Tentera Udara dan 123 Lt Joharie bin Haji Matussin dari Tentera Laut.

Kenaikan pangkat mereka bermula dari 17 Jun 1984.

Sementara itu 214 2Lt Lusir bin Sian dari Tentera Udara telah dinaikkan ke pangkat Leftenan bermula dari 13 Februari 1984.

KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI

Khutbah Pertama: KITA UMAT BERTUAH BERKAT KEKUATAN ISLAM

Allahu Akhbar, Allahu Akhbar, Allahu Akhbar.

MARILAH kita tingkatkan ketakwaannya kita kepada Allah Subhanahu Wataala dalam apa jua suasana dan keadaan, baik di waktu susah atau senang, baik di waktu berduka atau bersuka, baik di waktu biasa atau berhari raya.

Alhamdulillah sekali lagi kita dipertemukan oleh Allah dengan Hari Raya Puasa. Hari Raya ini kadang kala kita sambut dalam suasana dan keadaan yang berlainan. Kalau dahulu ia datang dan suasana negara kita di bawah naungan dan pernah pula di bawah pendudukan bangsa asing selama beberapa tahun tetapi pada tahun ini ia datang dalam suasana negara kita penuh merdeka lagi berdaulat.

Alangkah bertuahnya dan berbahagianya kita umat Islam di negara ini yang mana dengan limpah rahmat Allah dan atas pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan berkat kekuatan Islam di dalamnya, dapat menikmati suasana yang aman damai, tenteram, bertambah makmur, pembangunan negara yang semakin pesat, syiar-syiar Islam yang semakin bersemarak dan suasana kebajikan dan keadilan yang semakin meluas. Maka tidak hairanlah bahawa Hari Raya pada tahun ini kita sambut dan rayakan dengan lebih meriah lagi.

Walaupun suasana negara kita aman damai dan tenteram tetapi tidaklah bermakna kita tiada perlu meningkatkan kewaspadaan kita terhadap kejadian-kejadian yang kurang menyenangkan di dalam masyarakat kita. Kejadian-kejadian curi, rompakan, rogol, menceroboh kehormatan, menagih dadah, berjudi, makan minum dan merokok di khalayak ramai di dalam bulan ramadan dan sebagainya perlulah mendapat perhatian dari seluruh masyarakat. Jika kejadian-kejadian ini merebak dan meluas pasti akan mengubah suasana yang aman damai dan tenteram itu. Inilah yang tidak kita inginkan terjadi di negara kita yang terkenal dengan panggilan Darussalam ini.

Di dalam bulan puasa kita dikira mengikat satu perjanjian terhadap Allah untuk mengamalkan apa perintah-perintah-Nya

dan menjauhi apa-apa jua larangan-Nya. Di samping itu kita bertaubat dari apa-apa maksiat dan kesalahan yang telah kita lakukan dan berharap dengan limpah rahmat Allah kita meminta jauhkan dari azab dan siksa-Nya.

Demikian juga di dalam bulan puasa seolah-olah kita mengikat janji dengan Tuhan Yang Maha Kuasa yang kita pasti menunaikan sembahyang-sembahyang fardu, berpuasa dan gemar kepada apa sahaja yang dikatakan perkara kebajikan dan benci kepada perkara-perkara yang dikeji dan kejahatan.

Pendek kata dalam bulan Ramadan itu mengakulah diri kita untuk terus mentaati perintah-perintah Allah dan menjauhi larangan-larangan-Nya. Oleh yang demikian adakah patut sesudah kita merasakan kebaikan berbuat taat di sepanjang bulan Ramadan itu kita menggembalikan diri kita kepada maksiat dan kemurkaan Allah? Sesungguhnya tentulah tidak patut kita berbuat demikian. Kita patut meneruskan kesan-kesan baik dari amalan-amalan di bulan puasa itu sampai bila-bila masa, jangan di bulan Ramadan sahaja kita menjadi orang yang taat kepada Allah sedangkan di bulan-bulan lain kembali menjadi orang yang derhaka kepada-Nya.

Mari kita renungkan kehendak-kehendak sebuah hadis qudsi, Allah Taala berfirman :

“Wahai hamba-hamba-Ku sesungguhnya Aku telah mengadakan kamu daripada tiada dengan kudrat-Ku, Aku kurniakan rezeki kepada kamu daripada benda-benda yang baik. Aku sempurnakan nikmat-Ku ke atas kamu, Aku utuskan Rasul-rasul yang mulia kepada kamu supaya kamu mengetahui hukum-hukum syariat-Ku, maka apakah sebabnya kamu berpaling daripada Aku? Akulah Tuhan Yang Maha Kaya dan Maha Pemurah maka demi kemuliaan dan kebesaran-Ku jika sekiranya kamu menjunjung titah perintah-Ku nescaya Aku menolong kamu, apabila kamu

meminta kepada Ku adalah Aku amat hampir kepada kamu dan menerima permintaan kamu, tetapi jika kamu menderhaka kepada-Ku maka berpalinglah Aku daripada kamu, di waktu itu kelak terjatuhlah kamu ke dalam tingkat kehinaan dan kesengsaraan azab yang amat hina.”


Ini adalah peringatan dan amaran Allah Taala kepada sekalian hamba-hamba-Nya bahawa Allah pasti akan menolong hamba-hamba-Nya yang taat kepada-Nya, sebaliknya akan berpaling dari hamba-hamba-Nya yang menderhaka kepada-Nya.

Untuk mengekalkan suasana aman damai, tenteram dan makmur di negara kita yang bertuah ini kenalah kita sekalian umat Islam meningkatkan

ketaatan kita kepada Allah Taala, dan sentiasa berusaha menghindarkan diri daripada membuat kejahatan dan maksiat, serta

taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Bagin-

da iaitu termasuklah dengan mematuhi dan menghormati undang-undang dan peraturan-peraturan negara.



Khutbah Kedua: SUSAHNYA MENGAMALKAN ILMU

PAKAIAN dan bekalan menuju akhirat yang paling baik ialah bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala kerana itu marilah kita berpakaian dengan takwa yang sebenar-benarnya kepada-Nya. Di samping itu marilah juga kita beramal dengan ilmu dan pengetahuan yang ada pada kita bagi memastikan ilmu kita itu memberi faedah kepada kita.

Imam Al-Ghazali Rahimahullah ada menasihatkan murid-muridnya dalam perkara ilmu dan amal dengan berkata :

“Jangan kamu menjadi orang yang mufils yakni orang yang bengkerap daripada segala amalan kamu dan orang yang tidak bersungguh-sungguh pada menunaikan ketaatan dan kesetiaan kepada Allah.”

Hendaklah kamu ketahuai bahawa ilmu itu tidak dapat diambil dengan tangan, umpamanya seperti ada pada seorang lelaki sepuluh

belah pedang yang tajam, dia berada di tengah-tengah padang pasir lalu keluar seekor singa yang garang, ketika itu dapatlah orang yang membawa senjata itu mempertahankan dirinya dari serangan singa yang ganas tadi tanpa bertindak menggunakan pedang-pedang yang dibawanya? Jawabnya tentu tidak! Demikianlah ibaratnya dengan mereka yang ada mempunyai ilmu tetapi tidak diamalkan.

Walaupun bagaimanapun susah bagi mendapatkan ilmu tetapi tidaklah seperitimana susah untuk beramal dengan ilmu-ilmu itu sendiri kerana itu Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam pernah mengingatkan umat Islam dengan sabdanya :

“Sesungguhnya orang yang paling berat azabnya di hari Kiamat ialah orang yang ada ilmu yang tidak dapat faedah dari ilmunya (kerana tidak beramal dengannya).”

Sebenarnya dengan ilmu sahaja belum menjamin seseorang itu pasti menjauhkan diri dari

melakukan kejahatan dan maksiat tanpa adanya iman dan amal. Lihatlah masyarakat kaum Muslimin hari ini, boleh dikatakan ada-ada sahaja kita dengar atau baca berita-berita setengah-setengah orang Islam ditangkap kerana berkhawatir, berzina, merogol anak gadis orang. Ada pula orang-orang Islam yang jadi penipu, makan rasuah, bergaduh kerana merebutkan harta pusaka, tahi judi, tahi arak dan yang paling menakutkan sekarang adanya penagih-penagih dadah dari kalangan anak-anak muda kita, malahan setengahnya sudah ada pula orang yang jadi pengedar dadah yang merbahaya itu demi untuk mendapat keuntungan besar sekalipun menjahankan orang lain.

Soalnya sekarang, adakah berlakunya gejala-gejala buruk itu kerana jahil mereka tentang hukum agama? Jawabnya tentu tidak. Kerana ilmu tentang hukum-hukum agama sudahpun tersebar dengan luasnya di kalangan umat Islam menerusi berbagai-bagai

saluran termasuk sebaran-sebaran am. Tidak ada siapa yang jahil tentang hukum agama di dalam perkara-perkara yang kita sebutkan itu, tetapi nafsu manusia lebih mengatasi ilmunya dan ilmu yang ada tidak diamalkan.

Di hari baik bulan baik ini, sesudah kita tunaikan kewajiban-kewajipan kita berpuasa sepanjang bulan Ramadan dan mengeluarkan zakat fitrah sebagaimana yang disuruh oleh agama kita maka marilah kita tanamkan rasa keinsafan pada diri kita masing-masing untuk terus menerus mengamalkan segala pengetahuan dan ilmu-ilmu kita khasnya ilmu-ilmu agama bagi keselamatan dan kebahagiaan hidup kita di dunia dan akhirat. Marilah kita rayakan hari besar dan mulia ini bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara kita sesama Islam serta membuang yang keruh dan mengambil yang jernih bagi meningkatkan kesefahaman, kerjasama dan keharmonian masyarakat dan negara kita.

PENYELIDIKAN BENTUK LAPISAN BRUNEI



Penuntut Singapura jadi tetamu Shell Brunei

SYARIKAT Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad minggu lalu telah menerima kunjungan dari pelajar-pelajar muda dari beberapa buah institusi pengajian di Singapura. Lawatan tersebut adalah sebagai hadiah mereka kerana memenangi peraduan kuiz dan bahas mengenai dengan sumber tenaga bagi sekolah-sekolah di republik itu.

Peraduan tersebut telah dianjurkan oleh Persatuan Pendidik Sains Singapura (SSTA) dan ianya telah ditaja oleh syarikat-syarikat Shell di sana.

Bersama-sama mereka di dalam lawatan itu ialah Pengurus Perhubungan Awam Shell Singapura Awang Lam Pin Foo, dan seorang pengarang dari akhbar bulanan syarikat itu 'Berita Shell' Awang Chua Swee Kiat.

Semasa lawatan mereka ke negara ini pelajar-pelajar tersebut juga telah berkesempatan menyertai peraduan bahas dengan pelajar-pelajar di Pusat Tingkatan Enam, Gadong dengan tajuk 'Wang Membawa Kebahagiaan', walau bagaimanapun dalam peraduan itu mereka telah ditewaskan oleh tuan rumah.

Selain dari meninjau ke berapa bahagian di Shell Brunei mereka juga berkesempatan melawat sebuah rumah panjang di Kampong Mendaram Besar, Labi.

Sebelum mereka kembali ke Singapura pada Jumaat lalu mereka juga dibawa melawat ke Miri, Sarawak bagi mendekati lagi akan operasi-operasi Shell Sarawak dan melihat Gua Niah yang masyhur.


SERIA — Kedua-dua Fungsi Penyelidikan dan Perkembangan kini menggunakan seismik bagi menentukan kewujudan dan bentuk pelbagai lapisan bumi di bawah sekali.

Data-data ini diperolehi di darat mahupun di luarpantai dengan mengadakan sedikit gegaran di permukaan dan merakam dengung yang memantul dari bawah lapisan-lapisan tadi.

Kerja-kerja ukur seismik dijalankan secara meluas, Champion 3D serta ukur seismik air tuhur dan darat dijalankan semenjak 15 bulan lalu, meliputi kebanyakan aktiviti-aktiviti yang baru diusahakan bagi mendapatkan data seismik kawasan BSP.

Sesudah dibuat proses komputer data padang, saluran-saluran seismik yang ditunjukkan diberi kepada pasukan-pasukan penterjemahan yang cuba mengumpulkan tanda-tanda dengan harapan mengetahui atau mengagak-lan lapisan-lapisan bumi di bawah.

Penyelidikan ini juga di antara lain bertujuan untuk



mengeluarkan peta-peta di dalamnya yang terdapat bentuk pelbagai lapisan. Dengan adanya peta-peta ini, tapak-tapak bagi telaga baru penyelidikan mahupun perkembangan dirancang.

Terjemahan-terjemahan bahagian-bahagian seismik adalah kerja yang memakan masa yang lama dan melibatkan kertas-kertas yang banyak.

Untuk membantu penterjemah-penterjemah mengadakan banyak data tadi, XGP (Jabatan Penyelidikan Jopisikal Penyelidikan) baru-baru ini mendapat satu sistem komputer timbal-balas aktif bagi kerja-kerja penterjemahan. Sistem ini yang diadakan oleh sebuah syarikat dari Norway

Geco, mengandungi sebuah komputer Vac penyimpanan, dalam mana kesemua data seismik disimpan dan sebuah sistem Vicorn Image memproses dan dapat mengumpul serta mempamerkan data seismik dalam warna di kaca TV.

Terjemahan kerja ukur bagi Champion 3D adalah merupakan projek pertama yang dijalankan secara besar-besaran dengan sistem baru ini.

Jumlah panjang kerja ukur ini melebihi 10,000 kilometer dan terjemahan biasa memakan masa kerja selama 12 tahun. Penggunaan sistem ini dijangka mengurangkan masa tadi dengan 2 atau 3 kali ganda pengurangan.

Petrel di lokasi baru

SERIA. — Kapal Penggurdur Petrel baru-baru ini telah berpindah ke satu kawasan baru kira-kira 55 batu dari sini dan 68 batu dari Muara.

Kapal tersebut telah menjalankan kerja-kerja penggalan luarpantai di kawasan yang dinamakan Z2-IX pada kedalaman 1290 kaki selama 68 hari sebelum berpindah ke kawasan baru yang dinamakan Kedidi North-IX.

Seorang jurucakap dari ODL memberitahu yang kapal tersebut telah dirancang untuk mengakhiri tugas-tugasnya di sini selepas sahaja kerja-kerjanya di kawasan yang baru ini selesai bagi membolehkan Jabatan Eksplorasi memeriksa semua penerangan dan menilai data-data pengkajian seismik.

Kapal penggurdur ini amat diperlukan adalah memandangkan yang rig-rig Shell Brunei, Sedco Echo dan H.H Ward tidak berkeupayaan bagi kawasan-kawasan pejakan air dalam.

Petrel telah dibina di Holland dalam tahun 1977 dan telah bertugas di banyak tempat. Ini termasuklah di Laut Utara, Kanada, Afrika Barat dan di kawasan-kawasan Mediterranean.



Kerja pembaikan kilang penapis selesai

SERIA. — Kilang Penapis telah ditutup selama seminggu bulan lepas untuk membolehkan kerja-kerja pembaikan mutu pencapaian alat penukar suhu panasnya dijalankan.


Penguasa Kilang tersebut, Awang Hamdillah Haji Abdul Wahab memberitahu bahawa penutupan itu sama sekali tidak menjejaskan penghasilan minyak bagi faedah tempatan.

Kilang tersebut telah mula mengeluarkan hasilnya sejak akhir bulan Oktober tahun lepas dan sejak itu mutu pencapaian peralatan 'crude heat exchangers' telah didapati menurun ke tahap 20 peratus rendah dari yang diharapkan.

Oleh yang demikian beberapa langkah telah diambil bagi memperbaikinya sebelum penutupan, tetapi tidak ada satu penyelesaian yang positif diperolehi dan cuma penutupan kilang saja yang dapat merubah keadaan itu.

Semasa penutupan itu, penukaran bahan panas telah dicuci dengan menggunakan pancutan air deras, iaitu sistem baru yang digunakan oleh Syarikat Mashor Reym Charters, sebuah syarikat tempatan.

Kilang tersebut mula berfungsi semula pada pertengahan bulan lepas dan pencapaiannya telah disifatkan sebagai baik.



PERADUAN MELUKIS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad dengan kerjasama Jabatan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan akan menganjurkan Peraduan Melukis untuk Kanak-Kanak berumur di antara enam hingga 13 tahun.


Peraduan tersebut merupakan projek tahunan Shell Brunei terbuka kepada semua Sekolah Rendah Melayu, China dan Misi di seluruh negara yang akan bermula pada 9 Julai hingga 30 Julai 1984. Tema peraduan 'My Brunei Merdeka and Berdaulat' dan perkara-perkara yang berhubung dengan Perayaan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Sebarang jenis bahan-lukisan melukis yang bersesuaian dengan kertas lukisan boleh digunakan.

SYARAT

Peraduan ini terbuka

kepada semua kanak-kanak kecuali anak pekerja Shell Brunei dan menjadi penduduk tetap negara ini. Ianya terbahagi kepada empat kumpulan umur iaitu 6 dan 7 tahun, 8 dan 9 tahun, 10 dan 11 tahun, 12 dan 13 tahun, manakala umur yang dimasukkan oleh seorang kanak-kanak akan ditentukan mengikut umur peserta pada 30 Julai 1984.

Lukisan hendaklah berkisaran Sempena Perayaan Kemerdekaan seperti perhiasan ke atas bangunan-bangunan, pertunjukan bunga api, perhimpunan agung, perbarisan dan perarakan, persembahan kebudayaan, lawatan, pembesar-pembesar luar negeri. Murid-murid yang berminat untuk menyertai peraduan tersebut bolehlah menghubungi guru-guru lukisan di sekolah masing-masing dan tarikh tutup ialah pada 30 Julai 1984.




GAMBAR atas ialah stesen tenaga elektrik yang terletak di Kampong Belaban. Stesen ini dibina bertujuan untuk menampung keperluan tenaga elektrik di daerah tersebut. Sementara gambar kanan ialah bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong yang baru siap. Ianya telah mula digunakan sejak beberapa bulan yang lalu.



DAERAH TEMBURONG

Oleh: Ahat Ismail dan Noor
Gambar-gambar oleh: Rabae Sa



SALAH sebuah kawasan perumahan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang ketika ini dalam pembinaan. Apabila projek ini siap nanti masalah kekurangan perumahan akan dapat diatasi (atas) dan gambar bawah pula ialah bangunan Sekolah Menengah yang baru ketika ini kira-kira tiga perempat kerja-kerja pembinaan projek tersebut telah siap. Sekolah baru ini akan dapat menampung kira-kira 1,200 orang penuntut.

DENGAN mempunyai rupa bumi yang luas dan kawasan perhutanan yang belum diterokai, Daerah Temburong peringkat demi peringkat mula membangun dengan pesatnya sesuai dengan zaman peralihan kemerdekaan negara yang baru saja dicapai. Sungainya yang panjang dan berbengkang-bengkok adalah nadi penggerak perhubungan utama menuju ke daerah tersebut, dan tidak berapa lama lagi satu sistem perhubungan jalan raya tiga wilayah akan dilaksanakan.

Projek perhubungan yang menggabungkan ketiga-tiga buah negeri di Pulau Borneo ini akan dihubungkan melalui rangkaian beberapa buah jambatan iaitu Sindumin - Lawas - Temburong - Limbang - Pengkalan Batu - Belait dan seterusnya Miri. Selesaiannya projek ini sudah tentu akan menjadikan Daerah Temburong akan berkembang luas dan terdedah kepada berbagai aneka corak pembaharuan baik di segi ekonomi, kebudayaan, mahupun sosial.

Berhubung dengan perkara ini Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Othman bin Awang Damit ketika ditemui menyatakan, "Apabila siap lebuhraya tiga wilayah ini perhubungan luar akan lebih menyenangkan selain daripada

perhubungan sungai pada masa ini. Dalam tempoh itu sambungannya, bilangan penduduk di Daerah ini pasti akan semakin bertambah," ujarnya.

Ke arah ini adalah juga dibayangkan bahawa pusat-pusat perniagaan akan banyak dibina untuk membolehkan rakyat dan penduduk mendapatkan barang keperluan dengan tidak payah ke Ibu Negara bagi berbelanja. Dewasa ini terdapat hanya satu deretan kedai saja yang terletak di Pekan Bangar bagi menampung keperluan asas penduduk-penduduk selain pasar yang sederhana bentuknya.

Temburong seperti yang telah diketahui adalah terbahagi kepada lima buah mukim dengan mengandungi lebih kurang 63 buah kampung. Kebanyakan para penduduknya adalah bertugas dengan pihak Kerajaan, dan sebilangan kecil pula mengusahakan perusahaan persendirian. Mengikut beberapa penyelidikan, daerah ini mempunyai potensi besar untuk perkembangan terutama sumber galian, pembalakkan, dan perusahaan pertanian. Bidang Pertanian, daerah ini mempunyai tanah yang luas dan subur untuk dimajukan selain daripada ternakan. Pengeluaran Batu Kelikir pula merupakan penghasilan terbanyak di daerah ini di samping hasil utama Minyak dan Gas di Seria. Perusahaan batu kelikir ini telah diusahakan oleh sembilan buah syarikat manakala hasil cukai yang diperolehi oleh Pejabat Tanah Daerah berjumlah sebanyak 400,000 ringgit setahun menurut laporan Pejabat Daerah. Perusahaan pembalakkan dan perkilangan papan pula semakin meningkat, kerana kayu-kayuan yang terdapat di daerah itu mempunyai mutu yang tinggi bagi pasaran perkilangan papan.

Selain dari itu, kawasan peranginan juga turut menarik perhatian pengunjung-pengunjung di setiap hujung minggu. Dari kehijauan buminya ini terdapat kawasan perkemahan dengan ditumbuhi oleh batu-batu dan aliran sungai. Kawasan perkemahan ini sedikit sebanyak menarik ramai pengunjung selain daripada pemandangan-pemandangan rumah tradisional penduduk pedalaman.

Kepesatan pembangunan begitu ketara dirasakan terutama di Kawasan Pekan Bangar Baru. Kawasan ini saja pembangunan perumahan amat perlu terutama kepada memberi kemudahan pegawai-pegawai dan kakitangan yang dihantar bertugas ke sana. Perlaksanaan perumahan yang diungkayahkan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah seperti perumahan 30 blok dalam jenis kelas



PEMANGKU
Othman bin A
F dan E. I
Kerajaan
membina 4
yang kesem
dua buah
perumahan
juga telah
pangsanya
rumah kela
yang dijan
Perumah
Jabatan Ke
12 unit te
Kampong
Perubatan
membina
Kerajaan
Kenua.
Sejauh in
daerah te
pengawasan
itu permol
dapatkan t
dan kakitan
daerah terse
ini saja le
disenaraikan
Bidang
satunya
pengetahu
masakini da

bu 4 Julai, 1984.



TERUS MEMBANGUN

perubahan besar. Projek pembinaan Sekolah Menengah ini menelan belanja sejumlah \$12.8 juta dan dapat menampung keramaian penuntut 1,200 orang akan siap dalam tahun 1985. Apabila siap projek ini sebahagian besar penuntut-penuntut daerah tersebut yang belajar di Bandar Seri Begawan berkesempatan meneruskan pelajaran mereka di sekolah itu.

Menyedari tentang perlunya penjagaan kesihatan rakyat, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui peruntukan projek kemajuan rancangan negara ke-4 telah memperuntukkan tanah seluas 6.02 ekar di Pekan Bangar Baru bagi pembinaan sebuah rumah sakit baru. Pembinaan rumah sakit ini menelan belanja sebanyak \$9.9 juta serta dapat menempatkan 50 buah katil dan dilengkapi dengan segala kemudahan-kemudahannya bagi menggantikan rumah sakit yang ada pada masa ini.

Perkembangan penyebaran Ujama dalam usaha meninggikan syiar Islam di daerah itu sejak dahulu lagi sehinggalah sekarang semakin meluas dari usaha Gerakan Dakwah Daerah. Hampir 100 orang dari daerah tersebut telah memeluk Ujama Islam. Sebanyak enam buah masjid telah didirikan sejauh ini bagi memberikan kemudahan peribadatan di kawasan-kawasan pedalaman. Di bidang Pelajaran Ujama terdapat 10 buah sekolah mengajarkan pelajaran Ujama sebagai salah satu mata pelajaran sekolah. Untuk mengukuhkan kepentingan beragama, sebuah ibu pejabat baru Jabatan Ujama di daerah tersebut telah siap dibina dan mula digunakan beberapa bulan lepas.

Perhatian penuh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap setiap segi sering diambil berat terutama keperluan sehari-hari. Dalam hal ini pihak bahagian air Jabatan Kerja Raya sedang merancang untuk memenuhi kehendak permintaan berhubung dengan pembekalan air ke beberapa tempat yang masih belum menerima sepenuhnya bekalan tersebut.

Sungguhpun pada masa ini stesen pengepam air Sumbiling boleh menghasilkan kira-kira 280,000 gelen sehari, tetapi ianya tidak dapat menampung kehendak pengguna yang berjumlah sebanyak hampir 7,000 orang penduduk.

Pembangunan infrastruktur yang direncanakan oleh Kerajaan itu dihasratkan bagi memajukan serta memberi keselesaan rakyat dalam kehidupan walaupun perancangan tersebut memakan masa yang agak lama namun fungsinya adalah bertujuan untuk kesenangan rakyat. Perhubungan antara orang ramai dan kerajaan dalam setiap hal terutama yang bersangkutan-paut mengenai masalah yang dihadapi untuk dibincangkan merupakan perkara yang penting.

Berdasarkan kepada keadaan ini kerajaan menganggarkan sebanyak \$12 juta diperuntukkan bagi membina bangunan pejabat-pejabat kerajaan baru untuk menyesuaikan keadaan masa akan datang, sebagai hasrat menjadikan sebuah pentadbiran yang teratur lagi kemas. Dalam projek ini adalah dijangkakan hampir 19 buah pejabat akan ditempatkan, serta rekabentuknya akan melambangkan ciri-ciri kebudayaan Brunei.

Di samping projek-projek perumahan bagi pegawai dan kakitangan, projek Sekolah Menengah dan pembinaan Rumah Sakit Baru, pembekalan air, serta lebuh raya tiga wilayah, pembekalan api elektrik juga turut mendapat perhatian. Terbinanya stesen tenaga elektrik di Kampong Belaban itu setentunya akan dapat menampung keseluruhan pengguna di daerah tersebut yang mana bekalan api elektrik setakat ini belum mencukupi kehendak sebenar terutama sekali di Mukim Labu dan Batu Apoi. Projek tersebut akan siap sepenuhnya dalam tahun ini.


Perancangan serta pelaksanaan yang diungkayahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu bukanlah hanya di bidang pembangunan saja malahan ianya meliputi di semua aspek, sehinggalah memaduli hal kebajikan rakyat melalui jabatan-jabatan, Pertubuhan, Persatuan dan seterusnya orang-orang perseorangan. Kesemuanya itu dilakukan bertujuan untuk menjamin taraf hidup rakyat sentiasa berkeadaan baik.



SALAH sebuah jambatan yang dibina dalam projek perhubungan jalan raya tiga wilayah di Daerah Temburong.



RUMAH Sakit Pekan Bangar yang ada pada masa ini, sentiasa menjadi tumpuan pesakit-pesakit luar bagi mendapatkan rawatan setiap hari (atas) dan gambar bawah pula ialah bangunan rumah sakit baru yang kini sedang dalam kerja-kerja peringkat terakhir. Bangunan ini dijangka siap menjelang tahun 1985.



RTB

Intisari minggu ini

SIAPA JUARA BINTANG REMAJA 1984?



Dk Monira Pg Mohiddin

Mohd Abu Suffian
Md Alinoordin

Rossiah Annuar



Tariah Punggut



Artis undangan Chicha Koeswoyo



Roslany Haji Adnan



Haji Erwan Haji Md Said



Dk Sahanisah Pg Metali



Jazneen Mohd Alinoordin



Norashikin Ramli



Roslan Haji Ibrahim

SERAMAI 10 orang peserta akan bertanding dalam Peringkat Akhir Bintang Remaja 74 pada 7 Julai, 1984 yang akan disiarkan secara langsung dari Dewan Raya oleh Radio Televisyen Brunei, kira-kira jam 8.35 minit malam itu.

Mereka yang terpilih ialah:

1. Dayangku Monira Pg. Mohiddin
2. Mohd. Abu Suffian Md. Alinoordin
3. Taridah Punggut
4. Roslany Haji Adnan
5. Rossiah Annuar
6. Haji Erwan Haji Mohd. Said
7. Dayangku Sahanisah Pengiran Metali
8. Jazmeen Mohd. Alinoordin
9. Norashikin Ramli
10. Roslan Hj. Ibrahim

Pemenang pertama (juara) akan menerima sebuah perisai serta wang tunai

sebanyak \$1,500.00, naib juara menerima hadiah wang tunai sebanyak \$1,000.00 dan pemenang ketiga menerima wang tunai sebanyak \$750.00.

Sementara kesemua finalis akan menerima wang tunai sebagai sugu hati sebanyak \$300.00. Bintang Remaja 84 tahun ini akan diserikan dengan kedatangan artis undangan CHICHA KOESWOYO dari Indonesia.



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini bersama awda lagi dengan salah seorang dari pendengar kita iaitu Ak Wahab bin Pg Abdullah di alamat No. 106, Kampong Tasek Meradun, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam. Ak Wahab akan bersama para pendengar pada 10 Julai, bersamaan dengan hari Selasa jam 4.00 petang.

Radio minggu ini: SELAMAT HARI RAYA

SEKARANG kita masih merayakan hari kemenangan, hari kebesaran, hari kejayaan dan di atas segala-galanya kita menempuhi hari perayaan tahun ini dalam suasana baru, dalam keadaan ne-

gara kita sudah mencapai kemerdekaan sepenuhnya. Bersesuaian dengan keadaan negara kita sekarang, pihak radio juga sedaya-upayanya cuba memuatkan rancangan-rancangan yang difikirkan

bersesuaian dengan Hari Raya ini. Seperti juga juadah-juadah yang enak-enak di Hari Raya, yang menjadi perhatian para pengunjung di hari yang mulia ini, begitulah juga harapan radio terhadap

rancangan-rancangan yang khusus disediakan untuk hawa telinga pendengarnya di hari lebaran ini.

Walaupun rancangan-rancangan yang dikategorikan sebagai yang lebih istimewa daripada biasa

itu sudah disiarkan di awal hari raya ini, siaran-siaran ulangan bagi rancangan tersebut masih dapat diikuti di sepanjang bulan Syawal ini. Pihak radio memang memahami hakikat kesibukan setengah-setengah orang, hinggakan radio yang di-'switch on' itu boleh diibaratkan sebagai manusia yang hanya bercakap seorang diri tanpa pendengarnya.

Tanpa menghiraukan siaran untuk hari-hari perayaan atau sebaliknya, peranan radio selaku penghubung itu terus juga berjalan, malah di hari-hari begini siarannya lebih bertambah lagi. Suara radio di hari lebaran ini diselenggarakan dengan suara takbir yang berku- mandang dari mula menjelmakan sinar suria hing-

galah larut malam. Malahan pada malam hari raya pertama, 'service' radio berterusan dua puluh empat jam.

Di samping laungan takbir dan sajian-sajian radio yang lain, tidak ketinggalan juga si juruhebah bagi pihak kakitangan radio keseluruhannya merendahkan diri memohon ampun dan maaf di atas segala keterlanjuran yang lepas. Maklum sajalah, kerja radio itu, satu saja kesilapan sudah didengari oleh beribu-ribu pasang telinga. Bersempena dengan hari yang mulia inilah kakitangan radio mengambil kesempatan untuk memohon maaf zahir dan batin di atas kesilapan-kesilapan yang memang tidak dapat dielakkan selagi manusia itu dipanggil manusia.

Minal Aidil Wal Faizin.

Sandiwar radio:

Perginya Bersama Rindu

PENULIS A. Bakar Zailani, Miri Sarawak dengan skripnya yang berjudul "PERGINYA BERSAMA RINDU" akan dimuatkan untuk siaran Sandiwar Radio Minggu Ini.

Penulis memilih tema pengorbanan cinta yang dilakukan hanya untuk kebahagiaan orang lain. Watak Zamri yang walaupun telah banyak berkorban untuk kebahagiaan Inah dan anaknya Fairus masih mampu lagi untuk

meneruskan pengorbanannya setelah Kamal bekas kekasih Inah kembali untuk mengambil Inah semula.

Tujuan Kamal itu sebenarnya bukanlah hanya semata-mata untuk meretakkan rumah tangga Inah dengan Zamri, tapi yang paling dikehendakinya ialah untuk membuka rahsia sebenar pada Fairus supaya ia mengetahui siapa ayahnya.

Inah walau bagaimanapun, merasakan yang keputusan

Zamri itu tidak kena pada tempatnya. Tapi oleh kerana Zamri menceraikannya, ia terpaksa menuruti kehendak Kamal.

Setelah hampir setahun Kamal mencuba untuk meyakinkan Fairus tentang dirinya sebagai ayah sebenar padanya, Kamal ternyata menemui kegagalan sekali lagi. Bagi Fairus ayahnya tetap Zamri yang dikenalnya sejak ia lahir. Kerana sikap degil Kamal yang cuba

untuk mengalih kepercayaan Fairus, sesuatu yang buruk telah menimpa Fairus.

Apakah yang terjadi pada Fairus? Bagaimana pula keadaan Zamri setelah ditinggalkan oleh Inah? Untuk mengetahui kisah selanjutnya, awda pendengar adalah dipelawa untuk mengikuti siarannya melalui Sandiwar Radio Minggu Ini pada 8 Julai, 1984, jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Zainab Haji Taha.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 4 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 TWINKLE TWINKLE LITTLE STAR
- 5.00 INSPECTOR GADGET
- 5.30 MR. SMITH
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.51 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HOTEL: "Reflections"
Seorang wanita pemalu dan sepupunya yang cantik masing-masing cuba memikat Peter. Seorang gadis belasan tahun merancang untuk menemukan ayah dan ibunya yang telah bercerai manakala seorang lelaki cuba menipu Hotel St. Gregory.
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.56 HOTEL — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 SENANDUNG MELAYU (Ulangan)
- 9.55 GAVILAN: "Designated Hero"
- 10.45 TAYANGAN GAMBAR: "Figures In Landscape"
Dua banduan yang melepaskan diri di-lejar oleh sekumpulan pengawal penjara dengan sebuah helikopter melalui 400 batu kawasan musuh. Pelakon-pelakon: Robert Shaw, Malcolm McDowell, Henry Wolf, Christopher Malcolm dan lain-lain.
- 12.15 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 5 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 DONKEY KONG
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 MY NAME IS... "Manuel, And I Come From Portugal"
- 6.25 FAST FORWARD
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.51 FAST FORWARD — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MANIMAL: "Scrimshaw"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.56 MANIMAL — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.35 HAWAII FIVE O
- 10.25 MAN ABOUT THE HOUSE
- 10.55 GOLF: U.S. Open
- 11.55 SIARAN TAMAT

HARI JUMAAT 6 JULAI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

PETANG

- 1.25 SOCCER: European Cup Winners' Cup (Final)
- 3.25 ROAD RUNNER
- 3.51 AZAN ASAR
- 3.55 ME AND MAXX: "The Negotiation"

Maxx telah memahami serba sedikit tentang mogok dan perundingan dan mengambil tindakan dengan beberapa permintaannya sendiri.

- 4.15 MILLER'S COURT: "One For The Road"
- 4.45 YOU ASKED FOR IT
- 5.10 MAKING THE MOST OF MICRO
- 5.30 MIANI MIATU
- 5.45 SHIRT TALES
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.51 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO: "Variety Says The Preacher"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.56 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 DRAMA: "Miang" (Ulangan)
- 10.00 DALLAS: "Fools Rush In" J. R. penuh dengan rancangan-rancangannya.
- 10.50 MAGNUM: "Dream A Little Dream"
- 11.40 WKRP IN CINCINNATI: "Nothing To Fear But..."
- 12.10 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 7 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SMOOBY AND SCRAPPY DOO
- 5.30 KASIHANILAH SAYANGILAH (Ulangan)
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TOWARDS 2000:
Di antara kandungannya mengenai percampuran minyak dan air. Bolehkah kedua ini bercampur? Mengikut satu proses yang masih dirahsiakan di Amerika Syarikat, saintis boleh me-

nyampur keduanya dengan tidak payah menambah apa-apa atau kimia lain lagi. Ini dianggap sebagai satu kemajuan sains lagi.

- 6.30 JUST OUR LUCK: "Keith's Car Crusade"
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.51 JUST OUR LUCK — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 T. J. HOOKER: "The Hostages"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.55 T. J. HOOKER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 BINTANG REMAJA '84: Siaran Langsung Dari Dewan Raya RTB
- 10.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
- 12.05 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 8 JULAI

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 PINK PANTHER INSPECTOR
- 2.45 LADIES MAN
- 3.15 DOKUMENTARI: Fragile Earth — "Pantanal"
- 3.51 AZAN ASAR
- 3.54 DOKUMENTARI — sambungan
- 4.10 PESTARIA AIDILFITRI (Ulangan)
- 5.05 LIVING HERITAGE: "Pottery Making In Korea"
- 5.25 MAT YO YO
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 MONCHHICHIS
- 6.25 BENSON: "Boy's Night Out"
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.51 BENSON — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MATT HOUSTON: "Blood Ties"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.55 MATT HOUSTON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 TENNIS: Wimbledon Men's Singles
- 11.35 THE TWO RONNIES
- 12.05 WAR SERIES: "Keeping The Old Game Alive"
Membandingkan rancangan-rancangan NATO dan Pakatan Warsaw dalam Perang Dunia Ketiga dengan membayangkan kejadian-kejadian yang mungkin jadi kenyataan yang mengesankan.
- 12.55 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 9 JULAI

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 THE BISKITTS
- 5.00 SUPERFRIENDS
- 5.30 THE POSEIDON FILES: "Anne Of The Seven Seas" Bhs 2
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.51 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FALCON CREST: "Power Play"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.55 FALCON CREST — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 WRESTLING
- 10.00 THE WORLD OF ISLAM: "East And West"
- 10.50 TOP OF THE HILL
- 11.40 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 10 JULAI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 CANTINFLAS
- 5.00 DOKUMENTARI: "Health By The People In Japan"
- 5.30 BUGS BUNNY SHOW
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NOVA: "The Gene Engineers"
Satu perkara yang menarik dan kontroversial ialah kisah penyiasatan genetic engineering yang satu ketika nanti boleh menghasilkan kanak-kanak damit yang bersih dari kecacatan yang sebaik-baiknya; atau seburuk-buruknya manusia yang dirancang secara genetik (genetically programmed people).
- 6.41 AZAN MAGHRIB
- 6.51 NOVA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SCARECROW AND MRS. KING: "Waiting For Dodor Sky"
- 7.52 AZAN ISYAK
- 7.55 SCARECROW AND MRS. KING — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 SPORTS SPECTACULARS
- 9.05 FITIRIA (Ulangan)
- 9.55 DYNASTY: "The Lady In Town"
- 10.45 TAYANGAN GAMBAR: "The Prisoner of Zenda"
- 12.15 SIARAN TAMAT.

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah
Siaran langsung menuaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita-berita dalam dan luar negeri)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (tiap-tiap hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam
MENTIARKAN AZAN:
Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

HARI RABU 4 JULAI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Lagu-lagu Rampai-an (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Dandan Setia Siri Ke-5), 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.30 — Hiburan Malam.

HARI KHAMIS 5 JULAI

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsiah Dari Daerah Belait.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio, 2.30 — Fokus/Hiburan Petang, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama 4.00 — Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 6 JULAI

PAGI: 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran, 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Irama Selingan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Dendang Remaja, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

HARI SABTU 7 JULAI

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu dari filem.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Cer-

pen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Siaran Langsung Pertandingan Bintang Remaja Peringkat Akhir.

HARI AHAD 8 JULAI

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.20 — Hiburan Petang, 10.15 — Majalah Perdana (SU), 11.00 — Dendang Remaja (SU), 11.30 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsiah Dari Daerah

Belait (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 9 JULAI

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana.

T/HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin, PETANG: 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampai Petang, 4.15 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah (SU).

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Selingan Irama (SU), 8.30 — Kuliah

Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keroncong, 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutjukan Lagu.

HARI SELASA 10 JULAI

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-Lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita.

T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

8.00 From Me You — Selamat Hari Raya (R)
9.00 Popular Classic — (Disc 31 side 1 of 2)
9.30 Talking About Music — 263/290.

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 World Theatre: Pericles, Prince of Tyre by William Shakespear (side 3 & 4 of 6).
9.30 Jazz at The Questors: The Stan Tracey septet (Prog. 4 side 3).

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Olympic Countdown — 2/5 (repeat)
11.15 Light Music From The Netherlands — 587/604.
11.30 Children's half hour.

NOON

12.00 Stringsound — 57/59.
12.45 My Music — 308/436.

P.M.

1.15 Book Club: Treasure Island by Roberts Louis Stevenson 12/13.
1.30 Break For Music with Malay Traditional Songs — 28/26.
1.45 Just For Variety by continuity announcer.
2.00 Soundtrack of the Sixties (K841-11 side 2A & 3B).
4.00 Chinese Programmes.

8.00 The World of Books.
8.30 Thirty-Minute Theatre: "A Cry . . . Almost a Scream" by Jane Beeson.

9.00 Perspective
9.30 A Date with . . . (repeat).

Saturday

P.M.

2.00 Just For Variety
3.00 Gurkhal Programmes.
8.00 Melody Time.
8.30 Animal, Vegetable and Mineral — 26/30.
9.00 Strictly Instrumental.
9.30 Top of The Pops — 1024.

Sunday

A.M.

11.00 Our Views — with chairlady Mordiah Haji Jackia.
11.30 Practical World.
11.45 London This Week.

NOON

12.00 A Date with . . .
12.45 Review of the Week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops — 1024 (repeat).
1.30 Weekend Greetings.
2.30 Olympic Countdown
2.45 Albert And Me by Jim Eldridge: Comedy series about adventures misadventures of an unmarried father and His Baby son — 7/8.
3.15 Just For Variety.

P.M.

8.00 Our Views (repeat).
8.30 BBC Science Magazine.
9.00 Beautiful Music — 20/60.
9.30 Soundtrack of The Sixties (K841-11 side 1B).

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: Hamish dan Max by James Cameron.
8.45 The Guitar Greats: B. B. King (side 1 of 2)
9.30 Jim Reeves and His Music Prog 6 (side 1 of 2).

Tuesday

P.M.

8.00 Just For You.
9.00 In Sentimental Mood.
9.30 Stereo Pop Special: Tears for Fears (side 2).

Daily

A.M.

6.29 Jingle.
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation.
6.45 Berita Perdana followed by Patriotic Song, Brunei's AM Welcome, Weather Forecast, Brunei In History.
7.30 Local News, tide times.
7.35 Brunei's AM (continued).
8.30 Chinese Programmes.
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.

NOON

12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursday.
4.00 Chinese down for morning transmission on Fridays and Sundays.

P.M.

9.15 News.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Penolong Pegawai Kemajuan Kerjasama

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENOLONG PEGAWAI KEMAJUAN KERJASAMA di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: C. 3-4 EB. 5—\$1735-\$2580.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Diploma dalam bidang Kemajuan Kerjasama atau HND dalam Business Studies dari maktab-maktab yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya;

ATAU
b) Sijil dalam sebarang kursus Kerjasama dari maktab-maktab yang diiktiraf dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun dalam kerja-kerja Penyelidikan Gerakan Kerjasama.

Pengalaman praktikal dalam penyeliaan serta pengetahuan kira-kira dan perakuan syarikat-syarikat Kerjasama adalah sebagai satu kelebihan.

Tugas-tugas:

Sebagai ketua bahagian daerah yang akan ditentukan oleh Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama dan bertanggungjawab ke atas semua penyeliaan urusan dan pentadbiran syarikat-syarikat Kerjasama dalam daerahnya. Bersedia menjalankan tugas-tugas di luar masa bekerja dan pada hari-hari kelepasan awam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan, surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup: 26 Julai, 1984.

(Bil iklan: 120/1984)

(E/755/79).

Di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGURUS MESS
TINGKAT III:

Tanggagaji: D.2 EB.3—\$515-\$900 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Berumur di antara 20 tahun hingga 45 tahun;

b) Lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengannya.

c) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan dalam kira-kira (Accounting) atau pengalaman dalam urusan-urusan mess;

d) Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah.

2. TRADESMAN
(TUKANG LEMPAK):

Tanggagaji: E.1-2-3 EB.4 \$410-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

Calon-calon hendaklah tamat mengikuti kursus jurutrik yang diakui di sesebuah Sekolah Pertukangan. Mempunyai pengalaman menyelenggara dan membaiki alat-alat elektrik yang digunakan di rumah dan alat-alat elektrik yang lain.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruh-anjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 28 Julai, 1984.

(Bil iklan: 121/1984)

(E/1162/78).

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada hari Isnin 9 Julai, 1984 am 12.00 tengah hari untuk tawaran bagi Sewa-Sewa Kenderaan dan Pengangkutan bagi Jabatan Telekom, Negara Brunei Darussalam.

2. Keterangan-keterangan lanjut boleh didapati di Ibu Pejabat Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan dengan wang cagaran sebanyak \$200.00. Cagaran tersebut akan dikembalikan kepada mereka yang tidak berjaya.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam sampul surat yang biasa dengan tajuk "SEWA-SEWA KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN BAGI JABATAN TELEKOM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" dengan tidak memberikan nama pengirimnya.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

PEMBERITAHUAN TAWARAN — JABATAN KERJA RAYA KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: KB 52 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN JAMBATAN R.C. SEBERANG SUNGAI MAU SEPANJANG JALAN SUNGAI MAU/MERANGKING."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.

Tarikh tutup: 9 Julai, 1984.

Cagaran tawaran: \$600.00.

BIL: KB 53 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL 068
PEMBINAAN TANDAS BAGI SEKOLAH MELAYU OKPD BUKIT SAWAT, ULU BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.

Tarikh tutup: 9 Julai, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 54 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk:

PROJEK: "CLEARING RENTIS, SAND, SAW DUST, DEBRIS FOR BADAS PUMPING MAIN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.

Tarikh tutup: 9 Julai, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 55 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk:

PROJEK: "RENOVATION TO 4 BLOCKS CLASS 'B' (ROOF) FOR GOVERNMENT HOUSE AT JALAN SERIA/KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.

Tarikh tutup: 9 Julai, 1984.

Cagaran tawaran: \$200.00.

BIL: KB 56 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk:

PROJEK No.: AD406/1601
SEKOLAH RENDAH DI LABI, DAERAH BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Julai, 1984.

Tarikh tutup: 16 Julai, 1984.

Cagaran tawaran: \$600.00.

Pemberitahuan Tawaran Jabatan Muzium-Muzium

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, di Bangunan Pejabat Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 23 Julai, 1984.

Untuk membekal:—

1. 20 biji ENTOMOLOGICAL CABINET

c/w 10 drawers (Air-tight)

Glass top line with 4 (Corksheet)

Camphor cell

Material dipakai terdiri daripada

Kayu: Teak plywood, plywood & Teak wood.

Department of Agriculture Tender Notice

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Bangunan Kementerian Kewangan, 4th. Floor, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, for the supply of the following to the Department of Agriculture, Negara Brunei Darussalam:—

LOW GROUND PRES-SURE CRAWLER (1 UNIT).

General conditions of the Tender and further particulars and details of the specifications of the above item are obtainable from Farm Department of Agriculture Workshop, Kilanas, Mile 10, Machinery Engineer, at the Jalan Tutong, Tel: 61352/3/4.

Successful tenderer is required to submit Spare Part Books, Workshop Manuals

and Instructions Book on or before the delivery of the stated item.

Approximate date of delivery and warranty period must be stated. The item is to be delivered to the Department of Agriculture Workshop, Kilanas, Negara Brunei Darussalam, after pre-delivery inspection and tests by the Farm Machinery Engineer.

Tenders should be submitted under plain sealed cover marked "SUPPLY OF MACHINERY — AGRICULTURE DEPARTMENT — CONFIDENTIAL" to the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam not later than 12.00 noon on Monday 9th. July, 1984.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

Tawaran Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pembekal-pembekal untuk membekalkan "KERUSI DAN MEJA KE JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

2. Keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan penentuan barang-barang ini bolehlah didapati dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, pada bila-bila masa sahaja waktu pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, dengan terang dinyatakan "MEMBEKALKAN KERUSI DAN MEJA

KE JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM," dengan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan nama penawar di sampul surat itu. Tawaran-tawaran itu hendaklah dihantar tidak lewat dari hari Isnin, 9 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

4. Wang cengkering sebanyak \$200.00 hendaklah dibayar kepada Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, pada bila-bila masa sahaja waktu pejabat dibuka.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. PPL/78/1984

Tajuk Kerja: MEMBAIKI DAN MEMBEKALKAN BARANG-BARANG

GANTI YANG BARU

(1) INTERNATIONAL

LOW LOADER

(2) 10 TONS TRAILER BEDFORD.

Tarikh tutup: 9 Julai,

1984 jam 12.00 tengah hari.

Kelayakan Pemborong:

Bengkel-bengkel yang mempunyai pekerja-pekerja yang berkebolehan dan berkelayakan dan mempunyai perkakas-perkakas bengkel yang lengkap.

Nota: Sebelum dokumen-dokumen diberikan kepada pihak pemborong, pemborong-pemborong mestilah memberikan keterangan-keterangan yang memuaskan kepada pejabat ini untuk meyakinkan kebolehan dan keupayaannya untuk melaksanakan kerja di atas.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, yang beralamat di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

A. BIL. PPL/80/1984

Tajuk: PLUG TOPS

Tarikh tutup: 30 Julai,

1984.

Cagaran: \$300.00.

B. BIL. PPL/81/1984

Tajuk: INDUSTRIAL

SAFETY BOOTS.

Tarikh tutup: 30 Julai,

1984.

Cagaran: \$300.00.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Di Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. JURUGAMBAR :

Tanggungaji : E. 1-2-3 EB. 4 \$410-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman : Kelulusan sekurang-kurangnya SRP/LCE dan mempunyai pengalaman setahun dalam bidang fotografi. Kebolehan yang luar biasa dalam beberapa jurusan penggambaran seperti potret, close-up, micro, copying dan kerja-kerja memproses dan printing serta berkebolehan dalam membuat caption adalah diutamakan.

Am : Calon-calon hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan mereka 4 keping gambar hitam putih atau berwarna berukuran 12" x 15" atau 4 keping slide warna sebagai contoh hasil kerja permohonan itu sendiri.

Am :

Calon-calon hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan mereka 4 keping gambar hitam putih atau berwarna berukuran 12" x 15" atau 4 keping slide warna sebagai contoh hasil kerja permohonan itu sendiri.

2. PEMBANTU PENYUNTUNG :

Tanggungaji : D. 3 EB.4-5 — \$720-\$1290 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman : a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Sijil Brunei Cambridge (Peringkat Biasa)

atau sebanding dengannya dan mendapat kepujian cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu.

b) Mempunyai pengalaman dalam berita dalam sebuah akhbar sekurang-kurangnya 3 tahun; dan

c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan juga berkebolehan membaca jawi dengan baik.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan

Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 28 Julai, 1984.

(Bil iklan : 124/1984)

(E/13/78).

JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: 261 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AW/002

MEMASANG PAIP AIR 8" A.C. SEPANJANG JALAN GADONG — PERINGKAT I, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 262 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk :

PROJEK No.: 36/8

MEMBEKAL BAHAN-BAHAN PAPAN TANDA JALAN RAYA DAN BAHAN-BAHAN KESELAMATAN JALAN RAYA KEPADA BAHAGIAN PEMELIHARAAN JALAN RAYA J.K.R., BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU TAHUN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Ogos, 1984.

Tarikh tutup : 6 Ogos, 1984.

Cagaran tawaran : \$1,000.00.

BIL: 263 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/JUB023

MERATAKAN DAN MENIMBUK UNTUK CADANGAN TAPAK BENGKEL DI MENGLAIT GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 264 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/PEL119

CADANGAN PEMBAHARUAN PADANG SEKOLAH MENENGAH KIUDANG JALAN LAMUNIN, BATU 5, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 265 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AW/001

PENYAMBUNGAN SALURAN-SALURAN NAJIS AWAM UNTUK BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 266 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk :

PROJEK No.: 36/11

MENGADAKAN TILAM-TILAM, BANTAL-BANTAL DAN BANTAL-BANTAL ALAS JENIS BUEH GETAH UNTUK JKR, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU TAHUN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00.

BIL: 267 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/JPK017

PEMBINAAN LALUAN TERTUTUP DI RUMAH SAKIT DAERAH TUTONG, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 9 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 268 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas (Pemborong Elektrik) untuk :

PROJEK No.: 84AB/RAM018

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN MEMBANGUN SEMULA PEJABAT-PEJABAT DAN STOR-STOR, TUKER LINES, SERIA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Brisma International Consultant, F12, Seri Temasek, Seri Shopping Kompleks, Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 23 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: 269 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AR/065

PEMBINAAN LONGKANG, SUMP DAN KALBAT KONKRIT TEPI JALAN DI BATU 7 DAN BATU 13 JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19 Julai, 1984.

Tarikh tutup : 23 Julai, 1984.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

DI JABATAN HAL EHWAL UGAMA

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berbangsa Melayu, beragama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal Jamaah, untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Pejabat Hal Ehwat UGAMA, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU PENGELOLA BAITOL MAL ZAKAT DAN FITRAH

Tanggungaji : D. 3 EB. 4-5 — \$720-\$1290 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- b) Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan-kelayakan berikut :
 - i) Sijil Pelajaran UGAMA, Brunei.
 - ii) Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pengetahuan UGAMA Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah UGAMA.
 - iii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya dengan syarat lulus mata pelajaran Pengetahuan UGAMA Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah UGAMA dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan mempunyai pengalaman dalam urusan Baitol Mal Zakat dan Fitrah.

c) Hendaklah tahu menulis dan membaca jawi.

d) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta mempunyai pengalaman dalam urusan Baitol Mal Zakat dan Fitrah bolehlah dipertimbangkan.

2. PEMBANTU PERKEMBANGAN UGAMA

Tanggungaji : D. 3 EB. 4-5 — \$720-\$1290 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- b) Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan-kelayakan berikut :
 - i) Sijil Pelajaran UGAMA, Brunei.
 - ii) Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan 4 mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pengetahuan UGAMA Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah UGAMA.
 - iii) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya dengan syarat lulus mata pelajaran Pengetahuan UGAMA Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah UGAMA dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan mempunyai pengalaman dan kebolehan salah satu bidang-bidang berikut bolehlah juga dipertimbangkan.

c) Hendaklah tahu menulis dan membaca jawi.

d) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun dalam perkhidmatan dan mempunyai pengalaman salah satu daripada bidang-bidang yang dinyatakan di cerai (b), (iii) 1 hingga 5 di atas bolehlah juga dipertimbangkan.

3. TUKANG MASAK

Tanggungaji : F. 3-4 EB. 5 — \$430-\$560 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- a) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah VI Melayu atau yang sebanding dengannya serta boleh menulis dan membaca.
- b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai Tukang Masak Sekolah-sekolah, Asrama-asrama, Restoran-restoran, Kantin-kantin yang dikendalikan oleh Kerajaan atau Swasta boleh juga dipertimbangkan.

4. JURUTAYANG/PEMANDU

Tanggungaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$425-\$1290 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- b) Calon-calon hendaklah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah UGAMA.
- c) Mempunyai pengalaman dan kebolehan mengenai dengan cara-cara menggunakan Projektor Wayang Gambar, alat-alat pembesar suara dan generator.
- d) Mempunyai Lesen Memandu Kelas III.
- f) Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan yang dinyatakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari tiga tahun serta kebolehan dan pengalaman yang luas dalam cerai (c) di atas bolehlah juga dipertimbangkan.

Am :

Calon yang berjaya hendaklah bersedia berkhidmat di mana-mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

5. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II

Tanggungaji : F. 2-3-4 EB. 5 — \$390-\$560 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- b) Hendaklah tahu membaca dan menulis.
- c) Mempunyai pengalaman memandu motor sangkut dan mempunyai kebolehan untuk memperbaiki kerosakan kecil serta mempunyai pengalaman dalam penyelenggaraan enjin-enjin motor sangkut.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 30 Julai, 1984.

Bilangan iklan : 126/1984.

(E/879/71)

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI PENOLONG PERANCANG

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENOLONG PERANCANG di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: C. 2-3 EB. 4 — \$1260-\$2280 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman: a) Mempunyai sijil atau diploma yang bersesuaian; ATAU

b) Lulus Tingkatan V Aliran Inggeris dengan sekurang-kurangnya 3 kelulusan Peringkat 'O' atau yang sebanding serta mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman yang bersesuaian di RTB.

c) Mestilah fasih bertutur dan menulis di dalam Bahasa Inggeris dan Melayu. Tugas-tugas: Mengawas dan meneliti kerja-kerja Penolong-Penolong Susunan Jadual. Menyediakan dan mengeluarkan jadual mingguan dan billing terlebih awal. Membantu Pengurus Persembahan dan Perancangan dalam tugas-tugas umumnya dan menjadi wakilnya bila perlu.

Kenyataan Tawaran Jabatan Penjara Negara Brunei Darussalam

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan VHF/UHF Handheld Transceivers dan Base Station untuk Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penentuan (Specifications) bagi VHF/UHF Handheld Transceivers dan Base Station ini bolehlah didapati dari Ibu Pejabat Penjara, Jerudong pada bila-bila masa Pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang bertutup dengan "TAWARAN KENDERAAN UNTUK JABATAN PENJARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" dan tawaran-tawaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak

Bertanggungjawab di bawah Penolong Ketua Rancangan-Rancangan untuk mendapatkan rancangan-rancangan dari luar negeri; untuk kontrak-kontrak harian, terutamanya dengan telex, dengan Syarikat Syarikat penjual dan mencatat minit-minit dalam mesyuarat-mesyuarat dengan wakil-wakil mereka yang datang atas jawatan. Membantu Penolong Ketua Rancangan-Rancangan bagi urusan-urusan pembayaran bagi rancangan-rancangan yang diimpor, melalui Kementerian Kewangan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup: 24 Julai, 1984. (Bil iklan: 119/1984) (E/1259/78).

Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU PERIKANAN:

Tanggagaji: D. 3 EB. 4-5 — \$720-\$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman: Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pelan asas yang baik sekurang-kurangnya Tingkatan III aliran Melayu dan berkhidmat sekurang-kurangnya 4 tahun di

Jabatan Perikanan sebagai Pembantu Perikanan Rendah.

ATAU

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' termasuk mata pelajaran Ilmu Hisab atau Sains dan mempunyai kecenderungan dalam kerja-kerja Perikanan.

Tugas-tugas:

Menolong dalam semua aspek kerja kemajuan Perikanan, menjaga perjalanan projek-projek luar dari hari kesehari dan melaksanakan lain-lain tugas sebagaimana yang akan ditentukan dari masa kesemasa.

Am:

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

2. PEMBANTU PERIKANAN RENDAH:

Tanggagaji: D. 1 EB. 2-3 — \$425-\$900 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab dan Sains.

Tugas-tugas:

Menjalankan kerja-kerja Am Perikanan seperti memungut perangkai dan menjalankan tugas-tugas yang bersangkut-paut dengan kemajuan dan pengembangan perikanan. Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk berkhidmat di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan

Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 23 Julai, 1984.

(Bil iklan: 123/1984)

(E/1374/76).

Jabatan Perpindahan Kementerian Pembangunan

BIL. 5/1984

1. Nama Projek: RANCANGAN PERPINDAHAN / PERUMAHAN NEGARA KAMPONG RATAIE, TEMBURONG—KERJA-KERJA TANAH PERINGKAT I.

2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Perpindahan, Kementerian Pembangunan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei Darussalam.

mulai hari Rabu 27 Jun 1984 hingga hari Khamis 12 Julai, 1984 jam 4.00 petang. 3. Kelayakan pemborong: Keuas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam, yang berkebolehan dan/atau berpengalaman dalam kerja-kerja tanah. 4. Cagar tawaran: \$1,000.00 (Satu Ribu Ringgit). 5. Tarikh tutup: Hari Isnin 16 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Bil. 6/1984

1. Nama Projek: PEMBI-NAAN 84 BUAH RUMAH BAGI PERINGKAT I RANCANGAN PERPINDAHAN / PERUMAHAN NEGARA LAMBAK KANAN.

2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Perpindahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kawasan Lapangan

Terbang Lama,

Negara Brunei Darussalam, mulai hari Rabu 11 Julai, 1984 hingga hari Khamis 26 Julai, 1984, jam 4.00 petang. 3. Kelayakan pemborong: Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagar tawaran: \$5,000.00 (Lima Ribu Ringgit Saha'a).

5. Tarikh tutup: Hari Isnin 30 Julai, 1984, jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran:

a. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

b. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup ditulis dengan nama projek berkenaan tanpa menunjukkan pengenal pemborong, dan diletakkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

d. Cagar tawaran akan dikembalikan kepada yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

e. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong hendaklah membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam dalam kelas yang ditetapkan dan juga surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan "banker's guarantee" sebanyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

f. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

g. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Pemandu Motosangkut Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMANDU MOTOSANGKUT TINGKAT II di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: F. 3-4 EB. 5 — \$430-\$560 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang 18 tahun dan telah tamat Darjah VI aliran Melayu atau Inggeris.

b) Pemohon-pemohon mestilah sihat dan berbadan tegap, mempunyai pengalaman yang baik dan lulus peperiksaan mata. Pemohon-pemohon hendaklah boleh berenang tidak kurang 220 ela cara bebas.

c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu Motosangkut sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Selaku Pemandu Motosangkut yang terlibat di dalam pengangkutan penumpang dan

barang-barang; pengiriman surat atau terlibat di dalam perkhidmatan pemandu atau lain-lain tugas. Calon-calon mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar-luar masa bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir.

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 31 Ogos, 1984.

(Bil iklan: 128/1984)

(E/584/83).

TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

No. 44/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Julai, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam:—

PEMBEKALAN HYDRANT VALVE.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 45/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Julai, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara

Brunei Darussalam:—

PEMBEKALAN BRASS GLOBE, GATE AND CHECK VALVES WITH BSP THREADED ENDS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 46/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 9 Julai, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam:—

PEMBEKALAN WATER METER DAN BRASS SWIVEL BALANCING FERRULES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

Kenyataan Tawaran Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, mengenai membekalkan alat-alat yang berikut untuk Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkliah, pada hari Isnin 9 Julai, 1984 jam 12.00 tengah hari:—

i) Almarai pakaian penuntut — 50 buah
ii) Kerusi dewan jenis TH 217T — 150 buah
iii) Kerusi dewan jenis TH 810T — 250 buah
iv) Tikar Permaidani bagi keseluruhan Surau, Sekolah (Luar dan dalam).

2. Tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan ditulis dengan perkataan "TAWARAN ALAT-ALAT UNTUK SEKOLAH MENENGAH ARAB LAKI-LAKI HASSANAH BOLKLAH" tanpa membubuh atau menunjukkan identiti pemborong.

3. Wang cagar tawaran yang dinyatakan berikut hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Kewangan, Tingkat Pertama, Bilik No. 202, pada bila-bila masa pada waktu bekerja hingga hari Sabtu 7 Julai, 1984, jam 3.00 petang:—

i) Wang cagar tawaran untuk almarai pakaian penuntut sebanyak — \$100.00.
ii) Wang cagar tawaran untuk kerusi dewan sebanyak — \$100.00.
iii) Wang cagar tawaran untuk permaidani Surau sebanyak

— \$100.00.

4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

5. Keterangan-keterangan lanjut dan syarat-syarat tawaran yang berkenaan bolehlah diperolehi dari Pengetua Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkliah, di Batu 1½, Jalan Tutong, pada masa waktu bekerja biasa.

6. Pemborong-pemborong adalah dikehendaki menyertakan contoh tikar permaidani, gambar kerusi dan almarai pakaian beserta dengan tawaran masing-masing.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

LANTIKAN PENGARAH PERKHIDMATAN KEWANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan supaya Awang Abd. Rahman bin Haji Karim, Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei menjawat tugas sebagai Ketua di Jabatan Perbendaharaan (Treasury). Lantikan tersebut bermula dari 4 Jun, 1984.

Baginda juga berkenan supaya Jawatan Ketua Perbendaharaan itu digelar sebagai Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan (Director of Financial Services).

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan dengan perantaraan Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan sebagai Ketua Jabatan Perbendaharaan, maka semua persuratan-persuratan mengenai dengan pembayaran-pembayaran dan rekod-rekod dari Ketua-Ketua Jabatan atau Bahagian yang sebelum ini kesemuanya dialamatkan kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, hendaklah sekarang dialamatkan kepada Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan. Persuratan-persuratan mengenai dengan dasar-dasar (policy) atau yang langsung mengenai Kementerian Kewangan hanya akan dialamatkan kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan.

Dari muka 1

Demikian juga hendaknya, titah Baginda jangan terayu oleh polan yang tamakkan harta, tamakkan kuasa, tamakkan pangkat dan hendaklah pada menjalankan tugas kewajipan kita semua semata-mata kerana Allah.

"Beta yakin dan penuh berharap bahawa hanya dengan kesedaran dan keinsafan seperti itu di kalangan umat Islam di negara ini, kita akan dapat meneruskan usaha untuk meningkatkan kemakmuran, kesejahteraan dan perpaduan yang sememangnya perlu dilaksanakan pada menjalankan tugas kewajipan semata-mata dengan kerana Allah dan negara kita Brunei Darussalam yang penuh merdeka lagi berdaulat," titah Baginda.

Bersempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini, Baginda bersama keluarga, zuriat dan kerabat Baginda dengan tulus ikhlas dan sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat Baginda dan penduduk negara Brunei Darussalam yang beragama Islam.

"Marilah kita sama-sama berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan kita semua di negara ini akan senantiasa mendapat perlindungan-Nya dan akan terus menikmati suasana ketenteraman, keamanan, keselamatan dan kesejahteraan dalam keadaan yang makmur lagi bahagia," titah Baginda.

FAHAMI PERATURAN PERPINDAHAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setiausaha Tetap Pertama Kementerian Pembangunan mengingatkan penduduk-penduduk perpindahan supaya memahami benar-benar peraturan perpindahan agar tidak mendatangkan kesusahan bagi mereka di kemudian hari.

Katanya setiap ketua keluarga sudahpun menyedari bahawa rumah tersebut bukanlah diberi secara percuma tetapi akan dibayar beransur-ansur mengikut jadual yang telah ditetapkan, dan akan menjadi milik setelah selesai segala pembayarannya.

Awang Mohd. Salleh bin Haji Hidup berucap demikian di Majlis Penyam-

pian Anak-anak Kunci Rumah Perpindahan Kampong Serasa, bagi Penduduk-penduduk Kampong Masjid Lama Muara yang terlibat dengan projek pembesaran pelabuhan selanjutnya menyatakan bahawa, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengenakan pembayaran balik dengan harga yang sangat berpatutan termasuk sekali pembayaran tanah.

Seterusnya beliau mengharapkan mereka berkenaan akan memberikan kerjasama terutama menepati pembayaran balik pada masa yang ditetapkan, kerana kerjasama tersebut akan dapat menjimatkan masa serta tenaga pentadbirannya.

Pengarah Perpindahan Awang Haji Othman bin Haji Yaakub dalam ucapan alu-aluannya menasihatkan mereka yang terlibat supaya sentiasa menjaga kebersihan sekitar kawasan itu, dalam mewujudkan corak berkampung yang selesa.

Terdahulu dari itu satu majlis pengundian telah dijalankan dan diikuti dengan menandatangani surat-surat perjanjian termasuk penerangan ke atas peraturan serta syarat-syarat rancangan perpindahan perumahan negara.

Dalam peringkat pertama ini seramai 44 orang ketua-ketua keluarga telah menerima anak-anak kunci rumah mereka.



SETIAUSAHA Tetap Pertama Kementerian Pembangunan Awang Haji Mohd. Salleh sedang menyampaikan anak kunci kepada salah seorang penduduk perpindahan Kampong Serasa. (Gambar ihsan Pejabat Perpindahan).

Lantikan Penghulu

PEKAN TUTONG. — Dua orang Ketua Kampung yang baru di Daerah Tutong telah menerima Surat Perlantikan masing-masing.

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd. Aziz bin Mohammad telah menyerahkan Surat Lantikan itu dalam satu majlis yang berlangsung di Pejabat Daerah pada minggu lalu.

Awang Mohd. Jair bin Bendahari Haji Abd Ghafar, Ketua Kampong Tanjung Maya kini di lantik sebagai Penghulu Mukim Tanjung Maya.

Awang Jamil bin Aruan pula dilantik sebagai Ketua Kampong Rambai.

Pasport: Buat permohonan lebih awal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejak 1 Mac, 1984 yang lalu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Imigresen telah mengeluarkan Pasport Antarabangsa Negara ini sendiri menggantikan Pasport-pasport British yang telah dipegang oleh Warganegara-warganegara Brunei Darussalam sebelum Brunei mencapai tarafnya sebagai sebuah negara yang penuh merdeka lagi berdaulat.

Pasport-pasport British yang dikeluarkan kepada warganegara-warganegara Brunei Darussalam tersebut tidak lagi sah penggunaannya.

Oleh yang demikian orang ramai yakni yang terdiri daripada Warganegara-warganegara Brunei Darussalam adalah dinasihatkan supaya memohon untuk mendapatkan pasport-pasport Negara Brunei Darussalam jika mereka memerlukan untuk faedah-faedah perjalanan.

Juga dinasihatkan kepada orang ramai supaya mengemukakan permohonan permohonan mereka dengan memberikan tempoh yang cukup kepada pihak Jabatan Imigresen sebelum tarikh mereka melakukan perjalanan kerana pengeluaran sesebuah pasport itu memerlukan penelitian yang teliti.

Dari apa yang menjadi kebiasaan dialami oleh pihak Jabatan Imigresen iaitu

seseorang itu hanya mengemukakan permohonan-permohonan mereka untuk mendapatkan pasport sehari atau dua hari sebelum tarikh peremgian mereka.

Walaupun pihak Jabatan Imigresen ingin memberikan kerjasama untuk meletakkan pengeluaran pasport-pasport mereka demi untuk memenuhi maksud mereka, tetapi keupayaan Jabatan Imigresen untuk melakukan urusan-urusan pengeluaran pasport dalam waktu yang sesingkat itu adalah terhad.

Maka orang ramai adalah dinasihatkan supaya mengemukakan permohonan-permohonan mereka dalam waktu yang lebih awal sebelum tarikh mereka berhasrat untuk pergi keluar negeri.

Dengan kesempatan ini adalah juga dimaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan bayaran-bayaran pasport, Surat-surat Pengenalan Biasa, Surat-surat Pengenalan Antarabangsa dan bayaran-bayaran visa sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Pasport 1983 seperti berikut:

BAYARAN-BAYARAN

(a) Bayaran-bayaran bagi pasport atau surat lain yang dinyatakan di bawah:

Pasport Brunei (sah sepenuhnya selama 10 tahun) \$50.00

Pembaharuan Pasport Brunei \$5.00 setahun sehingga lima tahun maksima.

Pasport Diplomatik atau Pasport Rasmi

Percuma.

Sijil Pengenalan Antarabangsa (sahnya tidak melebihi lima tahun) \$20.00.

Pembaharuan Sijil Pengenalan Antarabangsa \$4.00 setahun.

Sijil Pengenalan 'Am' (sah sepenuhnya) \$30.00

Sijil Darurat (sah selama enam bulan) \$10.00

(b) Bayaran-bayaran bagi

Visa biasa yang standad \$15.00

Kemasukan berulangkali (sahnya tidak melebihi 3 bulan) \$20.00

Kemasukan berulangkali (sahnya tidak melebihi 3 bulan tetapi tidak melebihi 1 tahun) \$30.00.

Visa jalan-lalu \$1.00

Visa bersama (atau kumpulan) biasa yang standad \$20.00.

Persediaan peperiksaan London GCE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan kini sedang dibuat untuk mengadakan Peperiksaan Sijil Am Pelajaran dalam berbagai mata pelajaran di peringkat lanjutan dan biasa untuk bulan Januari 1985.

Borang-borang permohonan boleh didapati dari Lembaga Peperiksaan, Kompleks Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Semua borang-borang yang telah lengkap diisi beserta dengan bayaran peperiksaan, surat-surat sokongan dan salinan sijil-sijil mestilah dihantar ke Lembaga Peperiksaan semasa pejabat dibuka mulai dari 2 Julai, 1984 sehingga 4 Ogos, 1984. Borang-borang yang sampai lewat dari tarikh tersebut tidak akan dilayan. Sementara itu bayaran-bayaran peperiksaan mestilah dibayar tunai atau dengan cek dan dibayar kepada Lembaga Peperiksaan, Brunei dan bukan kepada University of London.

Calon-calon yang akan mengambil mata pelajaran dalam peringkat biasa mestilah telah lulus

Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding manakala bagi calon-calon yang mengambil mata pelajaran peringkat lanjutan mestilah lulus sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran peringkat 'O' Sijil Am Pelajaran dalam sekali duduk atau peperiksaan-peperiksaan lain yang sebanding dengannya.

Keputusan tersebut mestilah diperolehi sekurang-kurangnya dua tahun sebelum peperik-

saan.

Sementara itu bagi penuntut-penuntut yang pada masa ini berada di peringkat akhir persekolahan menengah (iaitu Tingkatan V untuk mereka yang ingin mata pelajaran peringkat 'O' dan Tingkatan VI Atas untuk peperiksaan peringkat 'A'). Borang-borang permohonan mereka mestilah disahkan dan ditan-datangi oleh pengetua sekolah atau maktab masing-masing.

Jadual lawatan doktor terbang

BERIKUT ialah jadual lawatan ke kawasan-kawasan pedalaman oleh Rombongan Perubatan menggunakan pesawat helikopter bagi bulan Julai.

KAMPUNG	ULU	TARIKH HARI
Benutan	Tutong	4.7.84 Rabu
Mapol	Tutong	9.7.84 Isnin
Lopat	Temburong	9.7.84 Selasa
Biang menengah Lamaling at 11.00	Temburong	11.7.84 Rabu
Ukong	Tutong	17.7.84 Selasa
Sukang	Belait	18.7.84 Rabu
Belabau	Tutong	23.7.84 Isnin
Melilas	Belait	24.7.84 Selasa
Supon Besar	Tutong	25.7.84 Rabu
Long Mayan	Tutong	30.7.84 Isnin
Supon Kecil at 11.00		
Bukit	Tutong	31.7.84 Selasa